


**Jilid I
Bil. 10**



**Hari Isnin
25hb Oktober, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1119]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1148]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1148]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., D.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M. S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M., (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI
HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN
HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN
HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS
YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM,
D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM
(Alor Gajah).
- „ MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J.,
P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI,
D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN,
D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG
TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHAMANABAN,
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW
SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LING LIONG SIK, D.P.M.P.
(Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI
ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K.,
K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE
E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J.
(Rengam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

„ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).

„ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFERED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

Yang Berhormat TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).

Yang Berhormat Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak).

- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 25hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

sekolah-sekolah rendah dan menengah yang telah dilawati dan jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

NAZIR SEKOLAH—LAWATAN
PEMERIKSAAN

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, lawatan-lawatan pemeriksaan ke sekolah-sekolah yang dibuat oleh Nazir-nazir Sekolah Persekutuan berjalan sepanjang tahun pada hari-hari persekolahan, dan setakat ini lawatan pemeriksaan tersebut belum lagi selesai.

1. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Nazir-nazir Sekolah telah selesai membuat lawatan mereka ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam setahun dan peratus

Sehingga pertengahan tahun ini iaitu pada 30hb Jun 1982, bilangan sekolah yang telah diliputi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berbanding dengan pemeriksaan yang telah dibuat sepanjang tahun 1981 adalah seperti berikut:

			<i>Pada 30-6-1982</i>			<i>Pada 31-12-1981</i>		
			<i>Bilangan Sekolah</i>	<i>Bilangan Sekolah yang Di-periksa</i>	<i>%</i>	<i>Bilangan Sekolah</i>	<i>Bilangan Sekolah yang Di-periksa</i>	<i>%</i>
SEMENANJUNG MALAYSIA—								
Sekolah Rendah	..	..	4,350	3,128	71.9	4,338	4,129	95.2
Sekolah Menengah	..	..	841	759	90.2	821	780	95.0
		JUMLAH	5,191	3,887	74.9	5,159	4,909	95.1
SABAH—								
Sekolah Rendah	..	..	821	201	24.5	821	173	21.1
Sekolah Menengah	..	..	92	41	44.6	93	17	18.3
		JUMLAH	913	242	26.5	914	190	20.7
SARAWAK—								
Sekolah Rendah	..	..	1,275	623	48.9	1,283	785	62.0
Sekolah Menengah	..	..	103	66	64.1	91	90	99.0
		JUMLAH	1,378	689	50.0	1,374	875	63.7

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya prestasi setengah tahun pertama bagi kedua sekolah Rendah dan Menengah ialah:

Semenanjung Malaysia ..	74.9%
Sabah	26.5%
Sarawak	50.0%

Adalah dijangka bahawa menjelang akhir Penggal Tiga Persekolahan 1982 prestasi pemeriksaan akan meningkat ke 100% bagi Semenanjung Malaysia, 55% bagi Sabah dan 80% bagi Sarawak.

Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran yang tiap-tiap sekolah akan dilawati oleh Nazir Sekolah sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Dengan bertambahnya bilangan Nazir apabila pengambilan Nazir-nazir baru dibuat pada tahun 1983, matlamat tersebut akan tercapai, insya Allah.

Tuan Tan Kok Hooi: Saya ingin tahu selepas pemeriksaan di sesebuah sekolah oleh Nazir Bebas Sekolah biasanya apakah tindakan yang telah diambil terhadap sekolah itu?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Nazir-nazir Sekolah menyediakan laporan dan laporan itu bergantung kepada kedudukan sebenar akan dikaji oleh Bahagian Nazir di Kementerian Pelajaran.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran bagi mensekukan stail pemeriksaan sekolah-sekolah oleh Nazir sekolah-sekolah dan sejauh manakah benarnya aduan yang mengatakan bahawa stail pemeriksaan di kalangan Nazir Sekolah-sekolah ini berbeza di antara satu sama lain. Contohnya, kalau Nazir itu membuat pengkhususan di dalam pemeriksaan Bahasa Malaysia, dia masuk ke sebuah sekolah dan setelah memeriksa guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia, kemudian balik membuat laporan masing-masing, datang semula Nazir yang berlainan yang

membuat pengkhususan yang sama, kemudian Nazir ini membuat kaedah-kaedah yang lain pula dari sudut pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang telah saya sebutkan tadi.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, jika soalan ini tidak lari daripada bentuk asalnya, bolehlah saya mengatakan bahawa oleh kerana segala arahan ini datang daripada Bahagian Nazir di Kementerian Pelajaran saya tidak nampak perbezaan dari segi pelaksanaan pemeriksaan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa-masa yang lepas terdapat percanggahan di antara para Nazir dengan guru-guru besar atau guru-guru yang mengajar di sesebuah darjah itu. Adakah itu disebabkan oleh latarbelakang Jemaah Nazir yang terdiri daripada sebahagian besarnya tidak dari para guru ataupun kerana kursus-kursus yang baru dijalankan oleh Kementerian Pelajaran hanya diberi kursus itu kepada guru-guru dan guru besar sahaja, tidak kepada para Nazir.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, golongan Nazir-nazir memang mempunyai pengalaman kalau tidak pun dilantik daripada bekas guru-guru. Saya juga tidak mengerti akan soalan kenapa timbul adanya perbezaan antara guru-guru yang diperiksa dengan Nazir yang melaksanakan pemeriksaan. Mungkin juga disini saya boleh mengatakan oleh kerana dari segi pihak yang diperiksa dan pihak yang memeriksa mempunyai tugas-tugas yang berlainan, mungkin juga kalau pun ada perbezaan dari segi itu sahaja.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, soalan tambahan. (*Dengan izin*) According to the answer given by the Deputy Minister only 35% of the schools in Sabah will be inspected this year. I would like to know the reasons why there is this low percentage of inspection of schools in Sabah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, melainkan ada kebenaran, saya tidak faham soalan itu dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta kebenaran bercakap dalam Bahasa Inggeris, saya telah benarkan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Saya tidak faham melainkan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapakah 35% sahaja diperiksa di Sabah, sampai begitu kurang pemeriksaannya dalam tahun 1981.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, di Sabah oleh kerana keadaan ilmu alam (physical) memberikan beberapa constraint bagi Nazir-nazir kita untuk melaksanakan tugas-tugas dengan teliti.

MINYAK—PENGELUARAN DI MALAYSIA

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kuantiti keluaran minyak mentah daripada telaga minyak Malaysia untuk tahun-tahun 1980, 1981 dan tempoh dari 1-1-1982 hingga 30-9-1982;
- (b) keuntungan yang diperolehi oleh PETRONAS untuk tahun-tahun 1980, 1981 dan tempoh dari 1-1-1982 hingga 30-9-1982;
- (c) apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam kegiatan "edaran dalam negeri" (down stream) oleh PETRONAS dalam usaha manfaat rakyat Malaysia; dan
- (d) sama ada kilang Gas Cecair Asli di Bintulu akan memulakan pengeluaran menurut jadual dan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini berhubung pembinaan kilang penapis Gas Cecair Asli.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Speaker, jumlah pengeluaran minyak dari kawasan-kawasan

minyak di negara ini bagi tahun dan tempoh yang berikut ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah pengeluaran</i>
1980	100.9 juta tong
1981	94.2 juta tong
1-1-82 hingga 31-8-82	73.0 juta tong

Keuntungan bersih lepas cukai untuk tahun itu adalah:

<i>Tahun</i>	<i>Keuntungan bersih</i>
1980	\$2,203.7 juta
1981	\$2,318.2 juta
1982 (bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac)	\$2,336.1 juta

Kemajuan aktiviti downstream dalam industri petroleum oleh PETRONAS sehingga ini ialah

- (1) Di bidang pemasaran runcit PETRONAS telah mengadakan:

4 depoh petroleum di Pasir Gudang, Kuantan, Melaka dan Bintulu.

4 aviation petrol pump di Lapangan Terbang Kuching, Subang, Bayan Lepas dan Senai.

2 kemudahan bunker di Pelabuhan Kelang dan Pasir Gudang.

24 stesen tangki skid (19 di Semenanjung, 2 di Sabah dan 3 di Sarawak).

5 kedai runcit gas petroleum cecair (LPG) di Taman Tun Dr Ismail, dan Kampung Baru di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Alor Setar dan Melaka.

5 stesen petrol dan servis di Taman Tun Dr Ismail, Damansara Jaya, Taman Keramat, Subang Jaya dan Kepong.

PETRONAS juga telah melantik 108 wakil penjual gas petroleum cecair di seluruh negara. Rancangan juga sedang dibuat untuk menyediakan kemudahan penyimpanan

minyak kapal terbang dan kemudahan bunkering di lapangan terbang-lapangan terbang dan pelabuhan-pelabuhan lain di Malaysia.

Di samping pemasaran bahan-bahan petroleum secara runcit PETRONAS juga menjalankan penjualan secara langsung bagi diesel dan minyak tanah kepada pengguna-pengguna yang membeli dengan kadar yang banyak kepada sektor awam seperti MADA, KETENGAH, PKNS, DARA, KESEDAR, FELDA dan persatuan-persatuan nelayan dan juga sektor swasta.

Semua minyak pembakar (fuel oil) juga dijual secara langsung kepada LLN. Sementara itu projek-projek yang sedang dilaksanakan oleh PETRONAS termasuklah pembinaan 2 stesen petrol dan servis di Damansara Jaya, Selangor dan Kulim, Kedah. Satu diesel/kerosine outlet di Kelang. 3 kilang pembotolan gas petroleum cecair di Bandar Tun Abdul Razak, Perai dan Kerteh dan 2 depoh petroleum di Pelabuhan Kelang dan Kuantan.

PETRONAS juga sedang merancang untuk mendirikan rangkaian stesen gas petroleum cecair untuk kenderaan bermotor.

Pada peringkat permulaan 2 stesen petrol dan servis untuk membekalkan gas motor ini akan digunakan di Kuala Lumpur, Selangor menjelang pertengahan tahun 1983.

PETRONAS juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menyalurkan gas petroleum cecair secara terus ke rumah dengan lebih murah dan efisien sebagai alternatif kepada memuatkan gas itu dalam cylinder.

Rancangan percubaan projek ini di Pasir Gudang Johor akan siap pada pertengahan tahun 1983.

Antara bidang-bidang lain yang melibatkan program berasaskan petroleum termasuklah projek-projek gas di Trengganu. Projek-projek ini melibatkan penyaluran gas daripada kawasan-kawasan di luar pantai ke Trengganu, untuk kegunaan LLN dan lain-lain industri di Trengganu. Sebuah logi

memproses gas yang berkeupayaan 250 juta kaki padu sehari akan dibina di Kerteh untuk memproses gas bagi mengeluarkan gas petroleum cecair dan gas-gas lain untuk dijual. Gas ini akan disalurkan ke Janakuasa Letrik LLN di Paka dan di kawasan-kawasan perindustrian di Telok Kalong untuk kegunaan kilang besi waja dan lain-lain industri. Kemudahan-kemudahan untuk menyimpan dan mengeksport gas cecair Petroleum akan diadakan di Tanjong Berhala Supply Base. Sebahagian daripada projek-projek ini dijangka akan memulakan operasinya pada pertengahan tahun 1984.

Petronas juga sedang membina sebuah kilang penapis minyak yang mempunyai keupayaan untuk menapis 30,000 tong minyak sehari di Trengganu dan kilang ini akan memulakan operasinya pada suku kedua tahun 1983. Sementara itu kilang penapisan minyak yang kedua iaitu di Melaka yang mempunyai keupayaan menapis 120,000 tong minyak sehari dijangka akan memulakan operasinya pada tahun 1987.

Petronas juga turut serta dalam projek baja Asean di Bintulu yang akan mengeluarkan 1,000 tan metrik Ammonia dan 1,500 tan metrik Urea setahun. Projek ini dijadualkan memulakan operasinya pada tahun 1985.

Mengenai projek gas asli cecair di Bintulu sehingga akhir bulan Julai 1982 projek ini telah siap pada kadar lebih kurang 90%. Kerja penyaluran gas asli ke loji gas asli cecair telah bermula pada 7hb Ogos, 1982. Bekalan pertama gas asli cecair ke Jepun dijangka akan dihantar pada bulan Januari 1983 seperti dijadualkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah dengan pengeluaran gas cecair yang dilakukan di Bintulu itu akan mendapat surplus yang lebih kepada negara kita dan apakah kemelesetan ekonomi yang kita alami sekarang akan dapat diatasi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak akan ada surplus kerana hasil daripada pengeluaran ini sudah pun diambil kira dalam Budget bagi tahun 1983.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan ini adakah Kerajaan Persekutuan bercadang menaikkan royalti minyak kepada negeri Sarawak supaya memastikan kekayaan dari hasil perindustrian minyak dapat memberi faedah kepada rakyat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu tidak bersangkut dengan soalan asal.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Menurut angka yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi, ini menunjukkan pada tahun 1982 kadar pengeluaran minyak mentah lebih daripada 30,000 tong sehari berbanding dengan pengeluaran minyak pada tahun 1981. Adakah dengan pengeluaran yang bertambah ini semata-mata untuk menampung kegemparan kemerosotan ekonomi sahaja, bukannya itu bertentangan dengan dasar conservation yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran pada tahun 1982 masih juga rendah daripada had pengeluaran yang ditentukan dalam dasar pengeluaran minyak bagi negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya mendapat tahu berapa banyak kontrak yang telah ditandatangani oleh Petronas tentang pembekalan gas cecair asli yang dikeluarkan di Bintulu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis mengenai dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Notis.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini setakat hari ini berapa telaga minyak yang dipunyai oleh Petronas dan berapa telaga yang dijangka akan didapati dalam pencariannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, telaga yang telah mempunyai potensi mengeluarkan minyak yang telah didapati oleh Petronas sendiri adalah dua, tetapi kita belum ada pengeluaran minyak apa-apa.

KAMPUNG BARU—KEKURANGAN KEMUDAHAN ASAS

3. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar tentang kekurangan dan kerosakan kemudahan asas seperti jalan, tandas dan perparitan yang sempurna di kampung-kampung baru, dan jika ya, apa tindakan yang akan diambil mengenainya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat kekurangan dan kerosakan kemudahan asas seperti jalan, tandas dan perparitan di Kampung-kampung Baru. Dalam menyedari perkara ini, Kementerian saya telah pun menjalankan projek-projek kecil pembangunan di Kampung-kampung Baru yang merangkumi projek-projek jalan, tandas, perparitan dan sebagainya. Melalui usaha Kementerian saya ini keadaan alam sekitar dikebanyakan Kampung Baru telah menjadi lebih baik daripada masa-masa yang lepas.

Saya juga sedar bahawa masih terdapat Kampung-kampung Baru di mana terdapat kekurangan kemudahan asas. Saya juga sedar adanya kemudahan-kemudahan asas yang perlu diperbaiki. Dalam perkara ini Kementerian saya sememang berusaha untuk memberi kemudahan asas kepada tempat-tempat yang dianggap mundur dan memerlukan kemudahan-kemudahan tersebut.

Kementerian saya telah diperuntukkan sebanyak \$30 juta untuk menjalankan projek-projek pembangunan kecil di Kampung-kampung Baru di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Pada tahun 1981, sebanyak \$8 juta telah dibelanjakan untuk projek-projek kecil di Kampung-kampung Baru dan dalam tahun 1982

sejumlah \$8 juta lagi telah pun disalurkan kepada maksud yang sama. Selain dari usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kementerian saya di Kampung-kampung Baru, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain juga terlibat dalam pembangunan di Kampung-kampung Baru melalui rancangan-rancangan dan projek-projek masing-masing.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Saya sangat terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang menjawab soalan tadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat tidak payah diucap terima kasih. Tidak boleh diucap tahniah pun. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat.

Dr Tan Seng Giaw: Terima kasih (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar terdapat satu projek yang dianggarkan untuk Kampung Baru terbesar di negara ini iaitu Jinjang di mana projek untuk memperbaiki longkang dan jalan itu berharga lebih kurang \$10 juta. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan bilakah Menteriannya akan menjalankan projek ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai cadangan untuk melaksanakan tandas curah di Kampung-kampung Baru, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan bila cadangan ini akan bermula dan tarikh untuk menyelesaikannya dan bilangan Kampung-kampung Baru yang akan mendapat kemudahan ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat rancangan tandas curah itu telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian saya, dan kalau Ahli Yang Berhormat itu ada rancangan atau permintaan bolehlah menulis kepada saya.

Dato' Lee Kim Sai: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, \$30 juta diperuntukkan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperbaiki kemudahan ataupun infrastruktur di kampung-kampung baru. Saya ingin tahu bahawa peruntukan ini adalah juga termasuk kerja atau rancangan meluaskan Kampung-kampung Baru yang banyak kali telah diumumkan oleh Kerajaan, setengah kampung-kampung baru itu perlu diperluaskan kerana sudah penuh sesak bilangan penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya ialah bersangkut kerosakan kemudahan asas. Tidak berbangkit dengan memperluaskan kampung-kampung baru. Soalan itu terkeluar daripada soalan asal. Saya tidak benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan 5.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, saya telah terlangkau satu soalan. Yang Berhormat Dato' Lee Kim Sai.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya soalan tambahan lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

YAP AH LOY— JALAN DINAMAKAN

4. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa jalan yang terpendek di Kuala Lumpur dinamakan dengan Yap Ah Loy, jika ya, adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula kedudukan yang setimpal dengan sumbangannya kepada Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Jalan Yap Ah Loy, berukuran 0.086 kilometer panjang, 19.20

meter lebar dan 171.6 meter persegi luas, yang terletak di antara Jalan Bandar dan Jalan Silang di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur bukanlah jalan yang terpendek di Kuala Lumpur ini sebagaimana Yang Berhormat nyatakan. Sebenarnya masih ada jalan-jalan lain yang lebih pendek daripada Jalan Yap Ah Loy iaitu misalnya Jalan Mahkamah Tinggi mempunyai keluasan 70.95 meter persegi, Jalan Haji Hussain 136.24 meter persegi dan Jalan Timah 37.20 meter persegi. Jawatankuasa Penamaan/Menamakan Semula Jalan-jalan yang bertanggungjawab terhadap menamakan semula Jalan-jalan di Wilayah Persekutuan tidak berniat untuk meminda kedudukan Jalan Yap Ah Loy memandangkan kepada lokasi Jalan tersebut yang mempunyai kesan sejarah yang tertentu umpamanya rumah Yap Ah Loy sendiri sebelum perang pertama terletak berhampiran dengan Jalan yang dipersoalkan. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk mengukur jasa seseorang itu dengan mengambil kira panjang atau lebarnya jalan. Apa yang penting ialah menamakan jalan-jalan yang ada dengan nama-nama jalan yang sesuai untuk mengenang jasa mereka dalam memperjuangkan kepentingan negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah pihak Kementerian hendak memberi kenangan kepada Tuan Yap Ah Loy memandangkan bahawa Yap Ah Loy ialah seorang pengasas Kuala Lumpur. Apakah cara yang lain selain daripada menamakan satu jalan untuk memberi kenangan kepada Encik Yap Ah Loy?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya Raja Abdullah merupakan pengasas dan peneroka Kuala Lumpur yang pertama dan telah memberi sumbangan yang besar kepada kelahiran Kuala Lumpur itu sendiri. Adakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan lagi dan memperindahkan Jalan Raja Abdullah yang sudah ada? *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Soal itu tidak berbangkit *(Ketawa)*.

HOSPITAL UNIVERSITI— PERKHIDMATAN WAJIB

5. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa perkhidmatan di Hospital Universiti tidak diiktirafkan sebagai perkhidmatan wajib di bawah Akta Perubatan dan sebagai perkhidmatan berkhidmat; apakah syarat yang perlu diadakan sebelum perkhidmatan tersebut dapat diiktirafkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan wajib di bawah Akta Perubatan 1971 ialah untuk tempoh 3 tahun dan Kementerian saya telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu tahun daripada tempoh tersebut hendaklah merupakan penempatan di luar bandar. Selain dari itu, dalam tempoh tiga tahun itu Pegawai Perubatan boleh ditempatkan di mana-mana sahaja mengikut kepentingan perkhidmatan dan perkhidmatan mereka ditetapkan sebagai perkhidmatan kepada rakyat. Berbeza dengan keadaan ini, perkhidmatan di Hospital Universiti adalah merupakan penempatan di bandar semata-mata yang mana adalah terhad kepada hospital itu sahaja, dan perkhidmatannya pula bukanlah merupakan seratus peratus perkhidmatan, tetapi sebahagiannya adalah sebagai latihan kepada pegawai-pegawai perubatan untuk memperolehi kelayakan lepasan ijazah. Di atas sebab-sebab inilah maka Kementerian saya tidak mengiktiraf perkhidmatan di Hospital Universiti sebagai perkhidmatan wajib. Walau bagaimanapun, kajian sedang dijalankan mengenai kemungkinan pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman yang tertentu di Kementerian Kesihatan ditempatkan di Hospital Universiti untuk memenuhi keperluan Hospital itu. Satu lagi cadangan sedang dikaji untuk membolehkan pegawai-pegawai perubatan berkhidmat di Hospital Universiti, dengan syarat-syarat tertentu, untuk membolehkan mereka mengambil peperiksaan-peperiksaan kepakaran.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana perkhidmatan mereka di Universiti Malaya tidak diiktiraf, bukankah ini satu faktor yang menyebabkan banyak pegawai-pegawai perubatan tidak puas hati.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob.

Datuk James Peter Ongkili: Soalan ke 6.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Ahli Yang Berhormat lain tidak boleh bawa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, saya tidak sedar. Sekarang soalan ke 7.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob tidak hadir)

SEKAM PADI DARI KOMPLEKS LPN BAGI PENJANAAN KUASA ELEKTRIK

7. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa jumlah tan sekam padi dapat dikeluarkan oleh semua kompleks LPN di Negeri Kedah dan Perlis dan nyatakan apakah jadinya dengan rancangan beliau untuk menggunakan sekam-sekam tersebut bagi mengeluarkan kuasa elektrik sebagaimana yang dihebohkan oleh beliau di masa-masa yang lampau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, kadar pengeluaran sekam di dalam proses pengilangan padi ialah di antara 20 hingga 22 peratus dari jumlah padi yang dikisar. Jumlah sekam padi yang dikeluarkan oleh semua kompleks LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara) di Kedah/Perlis adalah kira-kira sebanyak 18,600 tan metrik dalam tahun 1979. Kira-kira 25,900 tan metrik dalam tahun 1980 dan kira-kira 35,700 tan metrik dalam tahun 1981.

Bagi tahun 1982, jumlah anggaran pengeluaran sekam dijangka meningkat berikutan dari bermulanya operasi pengilangan di empat buah Kompleks LPN yang baru di Negeri Kedah. Penambahan empat Kompleks LPN ini menjadikan jumlah keupayaan mengilang sebanyak 225,000 tan metrik padi setahun di Kedah/Perlis yang akan mengeluarkan sekam sebanyak kira-kira 45,000 tan metrik.

Projek untuk menggunakan sekam padi bagi penjana kuasa elektrik akan mula dilaksanakan di atas dasar percubaan di Kompleks LPN Teluk Kechai dan Jerlun, Kedah mulai bulan April, 1983. Pada masa ini kerja-kerja pembinaan sedang berjalan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa sekam padi ini bukan sahaja boleh digunakan untuk mengeluarkan kuasa elektrik bahkan boleh juga katanya, digunakan untuk mengeluarkan minyak. Kalau boleh minyak apa namanya nanti dan apakah sebenarnya minyak itu?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat mengenai jenis dan apa minyaknya itu, kami berterimakasihlah kalau dapat diberi maklumat.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dengar juga mengatakan bahawa sekam padi itu boleh dibuat kertas. Adakah ini benar?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pernah percubaan-percubaan dibuat oleh pihak SIRIM dan lain-lain yang bersangkutan pada masa-masa yang lampau, bukan sahaja mengenai kertas tetapi juga mengenai soft board dan juga lain-lain bahan, tetapi malangnya mungkin perkara ini tidak dapat dijalankan oleh sebab-sebab viability ataupun oleh sebab-sebab economic factors.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

(Soalan No. 8 Y.B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir)

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN—TINDAKAN

9. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pemohon kewarganegaraan yang telah diterima oleh Kementerian beliau sehingga sekarang dan berapakah di antara mereka ini dilahirkan di negara kita ini; berapakah permohonan ini diluluskan pada tahun 1980, 1981 dan 1982 adakah beliau sedar bahawa terdapat ramai pemohon yang telah menunggu keputusan Kerajaan mengenai kes mereka selama sepuluh tahun atau lebih; apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk mempercepatkan proses mempertimbangkan permohonan-permohonan itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat kurang jelas kerana tidak dinyatakan mulai bila tarikh perkiraan permohonan tersebut dibuat. Soalannya hanya memerlukan kedudukan jumlah permohonan sehingga sekarang. Namun demikian, mengambil sempena 25 tahun kemerdekaan, maka tarikh perkiraan yang diambil ialah semenjak 31hb Ogos, 1957 sehingga 31hb Ogos, 1982. Semenjak tarikh yang tersebut Kementerian saya telah menerima sejumlah 2,375,270 permohonan kewarganegaraan. Dari jumlah tersebut sebanyak 590,527 adalah pemohon-pemohon yang dilahirkan di negara ini.

Bilangan permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan pada tahun 1980 ialah 1,008 permohonan, bagi tahun 1981 ialah 319 dan bagi tahun 1982 ialah 173.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kelewatan dan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian saya untuk mempercepatkan proses mempertimbangkan permohonan-permohonan kewarganegaraan telah pun saya jelaskan pada 20hb Ogos, 1982 yang lalu.

PERUSAHAAN AWAM ANAK SYARIKAT DITUBUHKAN DI NEGERI-NEGERI

10. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan hingga sekarang berapakah bilangan Perusahaan Awam telah ditubuhkan di dalam sesuatu negeri dan berapakah anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Perusahaan Awam ini yang mengandungi penyertaan ekuiti dari Kerajaan Persekutuan dan/atau Kerajaan Negeri,

- (a) apakah tindakan yang diadakan untuk mengawal dan mengusahakan Perusahaan Awam ini bagi menentukan segala "public accountability" nya;
- (b) sama ada beliau boleh memberi jaminan dalam proses menubuhkan Perusahaan Awam mengikuti Dasar Ekonomi Baru (NEP), kesemua Perusahaan Awam dan anak-anak syarikatnya tidak akan membahayakan peranan-peranan yang dimainkan oleh pihak swasta dan golongan perniagaan dari kaum yang lain yang bukan "Bumiputra"; dan
- (c) sama ada "Public Accounts Committee" mempunyai apa-apa kuasa istimewa untuk mengawal Perusahaan Awam di negeri-negeri seperti SEDC dan adakah SEDC ini dikehendaki membayar balik kepada Kerajaan Persekutuan segala pertolongan atau pinjaman.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam tidak mengawasi semua Perusahaan Awam yang ditubuhkan di peringkat negeri dan oleh yang demikian saya tidak dapat memberi jawapan yang menyeluruh. Hanya 13 Perusahaan Awam sahaja di peringkat negeri yang Kementerian saya awasi dan jawatan ini hanya terhad kepada 13 Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri (PKEN) tersebut. 13 PKEN-PKEN ini telah menubuhkan sebanyak 321 buah syarikat.

- (a) Setiap aktiviti yang dijalankan oleh PKEN hendaklah dilaporkan kepada Kerajaan melalui peruntukan pentadbiran dan peruntukan undang-undang seperti Akta Pembedaan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) (Pindaan) 1981. Pengawasan juga dibuat di peringkat Lembaga Pengarah di mana tiga daripada ahli-ahlinya mewakili Kerajaan Persekutuan.
- (b) Tujuan Kerajaan menubuhkan Perusahaan Awam adalah untuk membangunkan negara mengikut prinsip-prinsip dan dasar-dasar yang telah digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru. Pelaksanaan aktiviti Perusahaan Awam ini adalah dalam keadaan ekonomi negara yang berkembang di mana setiap pihak berpeluang memainkan peranannya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini. Oleh yang demikian tidak timbul persoalan Perusahaan Awam membanyakkan peranan yang dimainkan oleh pihak swasta dan peniaga-peniaga bukan Bumiputra.
- (c) "Public Accounts Committee" adalah merupakan salah satu cara bagi memeriksa dan mengawal aktiviti-aktiviti Perusahaan Awam itu. Akhirnya berkenaan dengan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pula, sukacita saya menyatakan bahawa semua peruntukan-peruntukan yang diberi kepada PKEN-PKEN dalam bentuk pinjaman dikehendaki dibayar balik mengikut syarat-syarat pinjaman yang telah ditetapkan.

MAHKAMAH TERTINGGI (SUPREME COURT)

11. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membentuk Mahkamah Tertinggi (Supreme Court) bagi mengganti "Privy Council" dalam rayuan-rayuan jenayah dan perkara-perkara perlembagaan memandangkan rayuan-rayuan "Privy Council" telah dimansuhkan mulai 1 Januari 1978.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum ada lagi rancangan untuk membentuk Mahkamah Tertinggi (Supreme Court) bagi menggantikan Majlis Privy (Privy Council) bagi mendengar rayuan kes-kes Perlembagaan dan Jenayah.

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan bersetuju dalam kes civil ada rayuan sekarang sampai Privy Council, tetapi dalam kes jenayah tidak ada. Tidakkah ini jadi tiada keadilan oleh kerana dalam kes jenayah ada hal di mana orang boleh digantung tetapi dalam kes civil ada harta atau soal-soal lain. Adakah beliau bersetuju apa yang ada sekarang ini tidak adil?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku tidaklah menjejaskan keadilan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang menimbang soal menghapuskan rayuan kes civil daripada mahkamah kita ke Majlis Privy.

DOKTOR DI HOSPITAL DAERAH TERENGGANU—KEKURANGAN

12. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di Hospital Daerah di seluruh Negeri Terengganu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan di Hospital-hospital Daerah di Negeri Terengganu. Untuk mengatasi kekurangan ini, Kementerian telah menempatkan 18 Pegawai Perubatan lagi di Terengganu sejak bulan Ogos, 1982. Saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian akan berusaha menghantar tambahan Pegawai Perubatan apabila diperolehi.

KEMELESETAN EKONOMI NEGARA

13. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Kewangan menyatakan sebab yang besar kemelesetan ekonomi negara yang begitu serius sekali yang sedang dirasakan oleh rakyat sekarang, dan tekanan kemelesetan secara menyeluruh ini dianggarkan hanya akan pulih pada tahun 1983/84. Bagaimana caranya rakyat boleh menyelesaikan masalah ini bagi kepentingan mereka.

14. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan dan rangkaian strategi khas yang diambil dan dilaksanakan oleh Kerajaan di dalam usaha untuk menstabilkan keadaan ekonomi negeri ini berikutan dengan kesan kemelesetan ekonomi dunia yang semakin merosot sekarang, dan dengan tindakan tersebut bilakah dapat dijangka yang keadaan ekonomi ini akan kembali pulih seperti sedia kala.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menerangkan dengan panjang lebar mengenai perkara ini dalam ucapan Belanjawannya pada hari Jumaat, 22hb. Oktober, 1982 dan oleh itu tidaklah payah saya ulangi lagi jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini merangkumi juga soalan ke 14 yang dianggap sama.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) DI SARAWAK—PERUNTUKAN

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah wang yang diperuntukkan bagi memperbaiki dan menyelenggara Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat, jumlah wang tersebut yang sebenarnya dibelanjakan hingga sekarang, berapa banyak wang yang diperuntukkan bagi pembinaan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang baru di bandar-bandar besar di Sarawak di mana permintaannya kian bertambah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah-sekolah Rendah, termasuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), adalah dibuat menerusi anggaran tahunan belanja mengurus. Sejumlah \$1.15 juta daripada jumlah kesemuanya sebanyak \$6.4 juta bagi tahun 1981 dan \$2.07 juta daripada jumlah kesemuanya sebanyak \$12.8 juta pada tahun 1982 adalah bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Perbelanjaan sebenar peruntukan bagi penyelenggaraan dan kerja-kerja membaiki sekolah-sekolah tersebut adalah bergantung kepada keupayaan Jabatan Kerjaya menyelenggarakan kerja-kerja yang telah ditentukan. Untuk tahun 1981 sebanyak 80% daripada peruntukan di atas telah dibelanjakan bagi maksud penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah tersebut.

Pada dasarnya sekolah-sekolah baru yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat hanyalah sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Walaupun demikian, projek tambahan dan gantian bagi Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah dilaksanakan melalui Program Pembangunan Sekolah Rendah dan Pogram Pemberian Modal.

BAS EKSAPRES—PERMIT

16. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan telahpun meluluskan banyak permit untuk bas-bas ekspres dan sama ada beliau bercadang mengeluarkan lebih banyak permit tersebut. Jika ya, bagi perjalanan-perjalanan mana permit itu dikeluarkan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah menerima sebanyak 568 permohonan bas ekspres pada tahun-tahun 1977, 1978, 1979 dan sehingga bulan Mei 1980. Pada bulan Mei dan Julai 1980 permohonan-permohonan tersebut telah diwartakan berasaskan peruntukan-

peruntukan Road Transport Ordinance 1958, dengan tujuan untuk memaklumkan kepada semua pihak tentang permohonan-permohonan ini.

Pada tahun 1981 hasil daripada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan 29 permit bas ekspres kepada 30 pengusaha bas ekspres dan bagi tahun 1982 sehingga bulan September sebanyak 24 permit lagi telah dikeluarkan kepada 23 pengusaha-pengusaha bas ekspres. Permit-permit ini adalah untuk berbagai-bagai laluan yang menghubungkan bandar-bandar besar dan kecil di seluruh Semenanjung Malaysia. Permit-permit ini dikeluarkan setelah mendengar maklumat-maklumat yang diberi oleh pihak-pihak yang berkenaan semasa perbincangan diadakan. Apabila mengeluarkan permit-permit, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sentiasa menimbang kepentingan pengusaha-pengusaha bas ekspres serta keperluan orang ramai untuk perkhidmatan bas ekspres di laluan-laluan yang berkenaan. Bilangan yang telah dikeluarkan adalah dianggap sebagai wajar memandangkan keperluan untuk laluan-laluan yang ada sekarang.

Oleh kerana permit-permit untuk banyak laluan, baharu sahaja dikeluarkan, permohonan-permohonan baru tidak diproses (kecuali untuk laluan lebuh raya Timur Barat) supaya membolehkan Kementerian Perusahaan Awam mengkaji dahulu kesan pengeluaran permit-permit baharu ke atas pengguna-pengguna dan juga pengusaha-pengusaha yang sedia ada. Kajian ini dibuat bagi menentukan ujudnya satu sistem pengangkutan awam yang sihat dan mencukupi. Kementerian saya akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengeluarkan permit-permit bas ekspres sekiranya keperluan ujud di mana-mana laluan.

SKANDAL TANAH DI PETALING JAYA/ SEREMBAN

17. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Badan Pencegah Rasuah telah beres menyiasat

skandal-skandal tanah di Petaling Jaya dan Seremban sepertimana yang tersiar dalam surat khabar tempatan baru-baru ini dan siapakah orang-orang besar yang terlibat dalam skandal ini dan sama ada tindakan undang-undang akan diambil terhadap 'Ikan Yu' itu.

Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan dalam soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 19hb Oktober, 1982 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi. Saya tidak ada apa-apa jawapan tambahan.

INDUSTRI DI KAMPUNG- KAMPUNG BARU

18. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah sebarang rancangan-rancangan untuk menambahkan peluang ekonomi untuk penduduk kampung-kampung baru sebagai contohnya dengan memperuntukkan insentif-insentif bagi industri-industri yang sedia menempatkan kilang-kilang mereka berhampiran kampung-kampung baru; dan
- (b) jika tiada, adakah langkah-langkah diambil ke arah menggalakkan industri-industri ke kampung-kampung baru di mana bilangan penduduk adalah melebihi satu juta orang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, pembukaan kawasan-kawasan perusahaan baru merupakan bidang kegiatan Kerajaan-kerajaan Negeri yang seterusnya menyerahkan peranan tersebut kepada perbadanan-perbadanan kemajuan negeri masing-masing. Pemilihan tapak-tapak yang sesuai untuk pembangunan kawasan-kawasan perusahaan baru bergantung kepada perbelanjaan pembangunan kemudahan infrastruktur, iaitu jalanraya, bekalan air, elektrik, tanah dan lain-lain. Adalah sangat perlu untuk mengadakan tapak-tapak perusahaan di kawasan yang berdekatan

dengan pusat-pusat yang ramai penduduknya supaya penawaran buruh yang berterusan akan diperolehi. Langkah untuk mendirikan kawasan-kawasan perusahaan berhampiran dengan kawasan yang pesat penduduknya termasuk kampung-kampung baru, kampung dan bandar-bandar kecil telah diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, contohnya Zon Perdagangan Bebas Sungai Way, Zon Perdagangan Bebas Hulu Kelang, Kawasan Perusahaan Silibin, Kawasan Perusahaan Jelapang dan Kawasan Perusahaan Taman Meru, di mana semua kawasan tersebut berdekatan dengan kampung-kampung baru. Saya meramalkan amalan membangunkan kawasan perusahaan berdekatan dengan kawasan yang pesat penduduknya dapat diteruskan terutamanya di kawasan yang kurang maju dan kawasan-kawasan mundur (di mana pengangguran penduduk tempatan adalah tinggi) sebagai objektif utama perindustrian yang bertujuan untuk mengujudkan pekerjaan yang banyak bagi memberi peluang kepada golongan muka baru yang akan memasuki pasaran buruh serta bagi mereka yang masih menganggur.

Seiring dengan objektif menyeimbangkan pertumbuhan di kawasan-kawasan tertentu, Kerajaan akan terus menggalakkan pertumbuhan dan penyelerakkan perusahaan-perusahaan ke kawasan yang kurang maju di negara ini. Untuk mempercepatkan proses perindustrian di kawasan-kawasan tersebut, kemudahan-kemudahan infrastruktur telah diperluaskan dan galakan khas akan diberikan.

TAHANAN ISA—

PEMBEBASAN BERAMAI-RAMAI

19. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau benar-benar berpuas hati dengan tahanan ISA yang dilepaskan beramai-ramai baru-baru ini dari segi keselamatan dan ketenteraman awam. Dan apakah maklumbalas yang diterima setakat ini.

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembebasan 47 orang tahanan di

bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 baru-baru ini dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat dan juga setelah Kerajaan berpuas hati bahawa mereka ini tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Setakat ini tiada sebarang kesan yang buruk yang timbul daripada tindakan Kerajaan membebaskan mereka itu yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Namun begitu, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi keadaan dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana tahanan yang dibebaskan itu yang didapati bergiat semula dalam kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah pelepasan beramai-ramai ini dilepaskan tanpa apa-apa syarat dan mereka ini boleh menyertai sebarang apa kegiatan yang ada dalam negara kita?

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 47 orang yang kita bebaskan baru-baru ini ramai daripadanya mempunyai syarat-syarat tertentu.

PENDATANG HARAM— DASAR KERAJAAN

20. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai pendatang-pendatang haram yang telah melaporkan dan mendaftarkan diri sejak Kerajaan menukar dasarnya mengenai pendatang haram Indonesia di Sabah dan Semenanjung Malaysia dan beri anggaran bilangan mereka masih belum membuat pendaftaran.

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah menukarkan dasarnya terhadap pendatang-

pendatang haram dari mana-mana negara sekalipun. Kerajaan akan terus bertindak menangkap, mendakwa dan menghantar mereka kembali ke negara asal mereka. Oleh yang demikian, mengenai bilangan mereka yang melaporkan diri tidak timbul sama sekali.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu bahawa pendatang-pendatang haram Indonesia itu sebenarnya dibawa masuk ke Malaysia ini oleh taukeh-taukeh yang bukan bumiputra untuk menjalankan kerja-kerja sebagai buruh-buruh kasar dalam perusahaannya ataupun dalam ladang-ladangnya kerana buruh-buruh dari Indonesia ini upahnya murah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan soalan itu kerana soalan itu berlainan daripada soalan asal.

KELAB POLIS CAMERON HIGHLANDS— LAPORAN KEHILANGAN WANG

21. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada siasatan ke dalam laporan polis Tanah Rata bernombor 602/28 yang dibuat oleh Inspektor Hassan dalam bulan Ogos lalu tentang kehilangan wang tunai sebanyak \$6,000 dari Kelab Polis Cameron Highlands telah selesai; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut, jika tidak bilakah siasatan dijangka siap; dan
- (b) hasil siasatan polis ke dalam laporan Polis bernombor 405/82 yang dibuat di Balai Polis Tanah Rata pada 16.6.1982 oleh Encik S. Narimuthu, beralamat 6 Dakian Dasar, Lembah Jasar, Tanah Rata, Cameron Highlands, tentang penyelewengan dan amalan curang yang berlaku dalam kira-kira Kuil Sri Subramaniam seperti terdedah dalam mesyuarat agung Kuil tersebut pada 13.6.1982 yang mana penyelewengan dan amalan curang itu melibatkan wang Kerajaan.

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) siasatan mengenai kes Tanah Rata No. 602/28 telah pun selesai. Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.
- (b) siasatan ke atas kes Tanah Rata No. 405/82 juga telah selesai. Hasil siasatan menunjukkan tidak ada bukti-bukti penyalahgunaan wang kuil Sri Subramaniam dan wang Kerajaan.

(Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 8 adalah diberi di bawah ini)

BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN WESTON

6. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yakob minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah bangunan Sekolah Menengah Kerajaan Weston, di Sabah dapat digunakan sepenuhnya dan beri penjelasan sebab-sebab kelambatan menyiapkan bangunan tersebut.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Untuk makluman Yang Berhormat projek Sekolah Menengah Kerajaan Weston di Sabah dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya pada awal tahun 1983.

Kelewatan di dalam pelaksanaan projek tersebut adalah disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor yang pertama menyempurnakan kerja-kerja mengikut syarat kontrak. Projek ini telahpun ditender semula dan kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan oleh pihak kontraktor yang sedia ada.

MAS—KADAR TAMBANG PENUMPANG

8. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kadar tambang Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS di Sarawak lebih mahal jika dibandingkan dengan tambang MAS dalam negeri di Semenanjung Malaysia, jika ya, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Penetapan kadar tambang penumpang adalah tertakluk kepada beberapa faktor seperti masa dan jarak penerbangan, harga minyak kapalterbang, jenis pesawat yang digunakan dan bayaran gaji kakitangan dan bayaran operasi lain. Pada amnya kos-kos operasi ini adalah berbeza di antara sesebuah stesen persinggahan itu dengan sebuah stesyen yang lain. Secara purata kos operasi mengendalikan perkhidmatan di Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah daripada kos operasi mengendalikan perkhidmatan di Sarawak kerana kos-kos seperti minyak dan gaji kakitangan di Sarawak adalah lebih tinggi.

Secara purata mengikut penerbangan-penerbangan semua jenis pesawat, tambang udara bagi Semenanjung Malaysia ialah 46 sen sebatu sementara tambang udara di Sarawak ialah 47.8 sen sebatu.

Sungguhpun mengikut kadar purata tambang udara di negeri Sarawak adalah lebih tinggi dari tambang udara di Semenanjung Malaysia, perbezaan tambang-tambang ini tidaklah jauh, dan ada di antara sektor-sektor di Sarawak mempunyai tambang-tambang yang sama atau lebih rendah daripada sektor-sektor yang sama jaraknya di Semenanjung Malaysia atau sebaliknya bergantung kepada faktor-faktor yang disebutkan tadi. Misalannya:

(a) Perbandingan di antara Sektor-sektor Tertentu

Kuching—Sibu ialah	50 sen/batu
Kuala Lumpur-Kuantan juga	50 sen/batu, dan
Bintulu-Sibu ialah	51 sen/batu
K.Lumpur-Ipoh ialah	53 sen/batu

(b) Perbandingan Mengikut Jenis Pesawat

F27 di Sarawak	46.4 sen sebatu
di Semenanjung Malaysia	47 sen
B737 di Sarawak	46 sen sebatu
di Semenanjung Malaysia	46 sen sebatu

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah. "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (22hb Oktober 1982)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$4,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (22hb Oktober 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Perbekalan 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

3.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di Oktober lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawan tahun 1982 dengan sengaja mewujudkan euphoria semata-mata untuk memancing undi dalam pilihanraya umum April lepas dengan menyembunyikan daripada rakyat hakikat sebenarnya tentang saat kesulitan ekonomi.

Beliau tidak masa itu menyediakan rakyat untuk bersiap sedia menghadapi saat kesulitan ini, terlupa untuk “mengukur baju di badan sendiri” dan sebaliknya telah membelanjakan dengan begitu banyak semata-mata untuk memenangi pilihanraya umum.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meminta Parlimen tahun lalu meluluskan \$31.95 billion juta sebagai perbelanjaan pengurusan dan pembangunan sedangkan beliau tahu lebih daripada orang-orang lain di negara ini bahawa tahun 1982 akan menjadi tahun yang lebih buruk berbanding dengan tahun 1981 serta juga tidak ada jalan untuk mendapati wang yang begitu banyak itu kecuali kita memilih untuk menjadi bankrap seperti Mexico.

Akaun mercandise dalam tahun 1982 akan menurun kepada deficit yang lebih besar sebanyak \$2,453 juta berbanding dengan deficit sebanyak \$110 juta dalam tahun 1981 dan ini adalah tahun kedua ia menurun berturut-turut. Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka merosot lagi kepada deficit yang lebih besar sebanyak \$8,649 juta berbanding dengan deficit sebanyak \$5,286 juta dalam tahun 1981.

Salah satu daripada kesan Budget tahun 1982 ialah rakyat Malaysia kini menghadapi saat kesulitan yang lebih teruk daripada apa yang sepatutnya dialami sekiranya Kerajaan telah bertindak dengan penuh tanggungjawab dan dengan meletakkan sejak tahun lalu kepentingan Barisan Nasional di bawah kepentingan negara.

Di saat kemelesetan ekonomi dan inflasi yang tinggi ini perlibatan cukai jualan daripada 5% kepada 10% tidak boleh

disokong kerana ia akan menyebabkan pada umumnya kenaikan harga. Kerajaan menganggarkan ia dapat mengutip hasil tambahan sebanyak \$800 juta dari perlipatgandaan cukai jualan tetapi kos yang akan ditanggung oleh pengguna-pengguna akan hampir \$1,500 juta kerana kenaikan kadar cukai jualan itu akan digunakan sebagai alasan untuk meninggikan harga yang akan melebihi kenaikan 5% cukai jualan.

Untuk mencegah dari berlakunya satu lagi kenaikan harga, saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan agar menarik balik kenaikan cukai jualan 5% itu kerana ia adalah tidak kena pada masanya dan tidak boleh disokong.

Kerajaan seharusnya berusaha untuk menjimatkan lebih banyak wang dengan memotong perbelanjaan Kerajaan dengan cara yang lebih berkesan. Umpamanya, saya dapati adalah tidak boleh dipertahankan bahawa di saat kemelesetan ekonomi ini Kerajaan masih terus membelanjakan begitu banyak wang untuk tujuan pembangunan pertahanan dan adalah berlain daripada perbelanjaan mengurus.

Kerajaan telah menganggarkan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$1,900 juta dan \$1,988 juta untuk perbelanjaan mengurus pertahanan. Walaupun Kerajaan mendakwa perbelanjaan bagi pembangunan pertahanan telah dikurangkan, untuk membelanja \$1,900 juta untuk tujuan pembangunan pertahanan dalam tahun 1983 adalah terlalu tinggi. Selain daripada tahun 1982, perbelanjaan sebanyak \$1,900 juta untuk pembangunan pertahanan akan menjadi perbelanjaan yang paling tinggi dalam sejarah Malaysia apabila kita memandang bahawa perbelanjaan untuk pembangunan dalam tahun 1975 cuma \$116 juta, tahun 1976 \$338 juta, tahun 1977 \$351 juta, tahun 1978 \$316 juta, tahun 1979 \$530, tahun 1980 \$812 juta dan bagi tahun 1981 \$1,619 juta.

Kedaulatan dan kebebasan negara tidak akan diancam atau dilemahkan sekiranya program pembangunan pertahanan sebanyak \$1,900 juta yang dianggarkan untuk tahun

1983 ditangguhkan. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi alasan-alasan atau "make up a case" kenapa kita tidak dapat menangguhkan (defer) perbelanjaan untuk pembangunan pertahanan, bahawa penangguhan mahupun pembatalannya akan mendedahkan Malaysia kepada bahaya yang akan mengancam kewujudan kita.

Memang, penangguhan (deferment) atau pembatalan perbelanjaan sebanyak \$1,900 juta untuk pembangunan pertahanan itu bererti saudagar-saudagar alat-alat pertahanan akan kehilangan keuntungan berpuluh-puluh juta malah beratus-ratus juta ringgit sama ada dalam erti kata komisyen atau wang sogokan (kickbacks) tetapi kehilangan mereka adalah keuntungan negara.

Dengan menangguhkan perbelanjaan untuk pembangunan pertahanan sebanyak \$1,900 juta itu, Kerajaan sepatutnya menumpukan perhatian ke atas bidang-bidang sosio-ekonomi yang boleh menguntungkan secara langsung golongan berpendapatan rendah ataupun mengelak trend ke arah hutang negara yang begitu tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk perumahan, umpamanya, telah dikurangkan sebanyak \$800 juta berbanding dengan apa yang diperuntukkan dalam Belanjawan 1982 sedangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah mengakui bahawa salah satu kegagalan yang paling buruk ialah penyediaan rumah-rumah yang cukup bagi rakyat miskin. Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata, "pembinaan rumah kediaman persendirian lebih lembab dari apa yang tercapai di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan jauh ketinggalannya dari matlamat 70,000 buah rumah setahun yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat".

Perumahan kos rendah di Malaysia hanya 'setitik dalam perairan lautan permintaan'. Pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Kerajaan akan meningkatkan kadar pembinaan dengan menambah 40,000 unit lagi dalam tempoh 18 bulan akan datang adalah terlalu tidak

mencukupi dan pada saat kemelesetan ini, saya menyeru Kerajaan berusaha secara bersungguh-sungguh untuk membina rumah-rumah kos rendah sejajar dengan keperluan rakyat miskin untuk mempunyai sebuah bumbung di atas kepala mereka.

Kerajaan sepatutnya membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah yang juga akan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk rakyat kita serta menggalakkan aktiviti ekonomi dalam bidang perumahan dan bidang-bidang lain, dan bukan membeli kereta-kereta kebal dan kapal-kapal pejuang Skyhawk.

Pengurangan atau 'cut-backs' Kerajaan hendaklah tertumpu kepada sektor-sektor yang kurang perlu dan bukan di sektor-sektor perlu di mana rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah akan terjejas dengan teruknya.

Satu contoh yang ketara ialah di bidang kesihatan di mana perbelanjaan mengurus telah dikurangkan sebanyak \$197 juta. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa kadar untuk wad kelas satu dan dua akan dinaikkan sementara bayaran atas rawatan wad kelas tiga tidak akan dinaikkan.

Sejak beberapa ketika ini, perkhidmatan hospital di negara ini telah mengalami suatu krisis keyakinan (crisis of confidence) akibat perkhidmatan dan layanan kurang baik. Mereka yang dirawat di wad kelas tiga pada umumnya mengadu mereka diberi layanan kurang baik malah buruk, dan disebabkan ini mereka yang walaupun tidak begitu kaya masuk ke wad kelas dua meskipun ini bererti mereka akan menghadapi bebanan kewangan.

Orang-orang yang kaya selalunya mendapat rawatan di wad kelas satu ataupun di hospital-hospital swasta. Oleh yang demikian, apa-apa kenaikan yang dikenakan ke atas kadar pembayaran bagi kelas kedua akan meruncingkan keadaan kewangan rakyat jelata dan saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menarik balik ideanya untuk meninggikan kadar wad kelas dua. Kini sudahpun terdapat

sungutan atau 'outcry' terhadap cara hospital-hospital menghentikan pemberian ubat kononnya untuk mengurangkan perbelanjaan.

Kerajaan hendaklah memulihkan pembekalan ubat-ubat kepada hospital untuk memastikan hospital-hospital dapat memberi ubat yang perlu kepada para pesakit. Apa yang Kerajaan harus buat ialah untuk meninggikan kecekapan dan taraf perkhidmatan di hospital-hospital untuk memulih keyakinan orang ramai terhadap hospital-hospital. Pertumbuhan hospital-hospital swasta seperti cendawan adalah satu petanda buruk tentang perkhidmatan hospital Kementerian Kesihatan. Hanya beberapa hari yang lalu, saya telah menerima satu aduan daripada seorang bekas penjahit, Sim Om Kim *alias* Tan Ban Keng, bahawa 2 tahun lalu (yakni dalam tahun 1980) beliau telah pergi ke Hospital Besar Melaka kerana mengidap penyakit lelah dan akibat suntikan yang diberi, seluruh kaki kirinya terpaksa dipotong seminggu kemudian. Nombor pendaftarannya ialah 617236. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang ada di sini akan siasat perkara ini dan mengambil langkah-langkah segera untuk memulihkan keyakinan orang ramai dalam hospital-hospital besar kita.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku 2 tahun dahulu, Yang Berhormat hendak segerakan hari ini. Bolehkah minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Barulah minggu lalu saya dapat aduan oleh kerana masa itu, Julai tahun 1980 berlaku beliau sangat sakit dan apabila beliau sihat mahu cari orang yang boleh tolongnya masa itu Ahli Parlimen yang seorang pengkhianat dalam parti ialah Ahli Parlimen Barisan Nasional, sebab itulah begitu lama baru dapat ketengahankan aduan kepada saya, tetapi saya harap bahawa perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mulakan siasatan dan membetulkan apa yang silap.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sungguh mujur kita telah menemui dalam tahun 1970an satu sumber semulajadi yang baru, yakni petroleum yang telah pun menjadi 'export earner' yang utama dengan membantu Malaysia mengatasi kesulitan ekonominya. Meskipun harga petroleum kini telah jatuh, Malaysia dijangka memperolehi sebanyak \$1,182 juta dari duti eksport ke atas petroleum mentah dalam tahun 1983 berbanding dengan hasil pengeksporan yang dianggarkan diterima sebanyak \$218 juta dari getah, \$98 juta dari bijih timah dan \$118 juta dari minyak kelapa sawit. Akan tetapi dengan menjadi pengeksporn petroleum, kita telah tidak menggunakan kemujuran kita di waktu yang baik itu untuk menjimatkan wang untuk menghadapi 'rainy days'. Disebabkan itu, hutang negara kita telah sampai ke tahap yang tinggi.

Apabila Kerajaan memperkenalkan Rancangan Malaysia Keempat dalam tahun 1981, Kerajaan mengumumkan bahawa semasa tempoh Rancangan tersebut dari tahun 1981 hingga tahun 1985, Malaysia akan meminjam \$4,000 juta dari luar negeri berbanding dengan \$3,907 juta yang dipinjam semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dari tahun 1976 hingga tahun 1980. Tetapi pada tahun ini sahaja, hutang asing negara telah melebihi pinjaman asing yang ditetapkan bagi tempoh 5 tahun di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Hutang asing Kerajaan tahun ini (1982) ialah \$4,050 juta dan bersama dengan hutang asing sebanyak \$2,909 juta dalam tahun 1981, hutang asing Malaysia akan meningkat kepada sejumlah \$11,818 juta. Jumlah hutang Kerajaan yang termasuk hutang asing dan dalam negeri ialah sebanyak \$40,122 juta setakat tahun 1982. Memandangkan dalam tahun 1982 sahaja, Kerajaan telah meminjam sebanyak \$9,950 juta, mungkin pada akhir tahun 1983, sebanyak \$10,000 juta lagi hutang negara akan ditanggung.

Adalah nyata Malaysia sedang menambahkan hutang negaranya dengan begitu cepat dan adalah elok untuk Kerajaan agar jangan menggadaikan masa depan generasi baru Malaysia. Terdapat banyak

bidang di mana Kerajaan dapat menjimatkan wang yang agak banyak dengan mengadakan usaha atau kempen jimat-cermat yang tegas. Salah satu bidang tersebut ialah sistem pembelian dan penawaran tender Kerajaan.

Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat Kluang sebelum pilihanraya umum April lalu, beliau telah di antara lain meluluskan permohonan untuk membina sebuah masjid. Tawaran untuk membina masjid tersebut dengan harga \$400,000 yang disokong oleh seorang jurukur bahan (quantity surveyor) telah ditolak dan kontrak tersebut diberi kepada seorang penender yang telah menyebut quotation \$600,000. Sebenarnya sebanyak \$200,000 akan dapat dijimatkan dari projek \$600,000 itu yang merupakan lebih dari 30%. Apakah alasan yang boleh diberi oleh Kerajaan 2M dalam hal ini di mana wang awam dibazirkan?

Kerajaan kini meminta kelulusan untuk \$11,669 juta untuk tujuan pembangunan untuk tahun hadapan. Sekiranya kita dapat mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan yang tidak perlu sebanyak 10% seperti hal masjid di Kluang yang saya sebut tadi itu, mungkin kita akan dapat menjimatkan sebanyak \$1.6 billion yang mana penjimatan ini boleh diusahakan untuk kegunaan yang lebih produktif di bidang-bidang yang lebih perlu. Penjimatan seumpama itu juga boleh dilakukan dalam bidang perbelanjaan mengurus kerana sebanyak \$2,053 juta akan diperuntukkan tahun depan untuk tujuan bekalan dan perkhidmatan termasuk pembelian bekalan-bekalan dan bahan-bahan.

Satu lagi kesan pembangunan ialah rasuah. Kerajaan 2M telah berjaya dengan sesungguhnya dalam usaha propagandanya atau propaganda blitzkrieg dengan memberi imej kononnya rasuah telah dibenteras. Orang ramai tahu bahawa rasuah bukan sahaja tidak dibenteras malah telah menjadi-jadi di Malaysia. Perbezaannya ialah rasuah di bawah pentadbiran 2M berbanding dengan pentadbiran yang lalu telah lebih cekap dan competent dan disebabkan itu lebih mahal.

Ingin saya memberi amaran kepada Kerajaan 2M bahawa kecuali Badan Pencegah Rasuah dapat memerangi rasuah di semua peringkat dengan berkesan, coganata: 'Cekap, Bersih dan Amanah' itu hanya akan menjadi satu coganata kosong semata-mata.

Saya mencadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Parlimen ditubuhkan untuk memastikan terdapat sebuah Kerajaan yang 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang boleh dipanggil atau dinamakan sebagai Jawatankuasa Parlimen ke arah sebuah Kerajaan yang 'Cekap, Bersih dan Amanah' yang sama taraf dan pentingnya dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk mengawal, mengkaji dan memeriksa Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian Kerajaan untuk menentukan sama ada Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian Kerajaan benar-benar mematuhi ketiga-tiga kriteria tersebut untuk memastikan sebuah pentadbiran yang baik.

Sebagai Pengawal Parlimen atau Parliamentary Watchdog ke atas Kerajaan, Jawatankuasa seumpama itu akan dapat memainkan peranan yang berkesan dan bererti untuk membantu rakyat biasa terhadap apa-apa kelakuan Kerajaan yang tidak jujur, cekap dan beramanah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji Yang Mulia Ketua Odit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin bin Haji Zakaria, kerana 'competence' dan tahap tinggi yang tetap beliau dalam prestasi perannya sebagai 'watchdog' ke atas semua urusan kewangan awam. Pihak Kerajaan hendaklah memberi sokongan penuh kepada Ketua Odit Negara, khususnya dalam melanjutkan Odit Kewangan dan Penyesuaian untuk menemukan sebarang irregularities, selowengan, kelemahan atau kekurangan dalam kawalan dan urusan kewangan untuk Odit Prestasi (Performance Audit) atau 'value for money', audit supaya dapat menilai kecekapan prestasi dan menguruskan kelambatan tidak bersebab, pembaziran, kekurangan atau lain-lain kelemahan dalam prestasi.

Oleh kerana Jabatan Ketua Odit Negara boleh menyebabkan banyak penjimatan dengan mendedahkan amalan-amalan curang dan kecekapan prestasi ini walaupun Kerajaan kini mempunyai dasar am untuk mengurangkan perbelanjaan bagi semua perkara tetapi Jabatan Ketua Odit Negara patutlah menjadi satu jabatan di mana Kerajaan tidak boleh memotong budget atau allocation. Jika ini tidak dilakukan maka Kerajaan memotong peruntukan-peruntukan untuk Jabatan Ketua Odit Negara apa yang akan menjadi ialah seperti pepatah Inggeris 'Penny wise, pound foolish'.

Oleh yang demikian, saya rasa amat sedih bahawa peruntukan Belanjawan tahun 1983 bagi Jabatan Ketua Odit Negara telah dikurangkan daripada \$21.5 juta dalam tahun 1982 kepada \$20.9 juta. Akibat kegagalan Kerajaan untuk mengembangkan Jabatan Ketua Odit Negara selaras dengan jumlah perbelanjaan Kerajaan. Ketua Odit Negara telah menyatakan dalam Laporan Ketua Odit Negara atas Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1979 bahawa:

"Memandangkan kepada pertumbuhan yang pesat dalam perbelanjaan awam sejak 10 tahun yang lalu disebabkan oleh perluasan penyertaan Kerajaan dalam berbagai-bagai aktiviti sosio-ekonomi yang sentiasa berkembang, adalah tidak mungkin lagi bagi pihak Odit dengan kekuatan tenaga kakitangan yang ada sekarang ini untuk mengkaji pada tiap-tiap tahun oditan operasi-operasi semua agensi sektor awam di dalam negara ini untuk maksud melaporkan tentang aktiviti-aktiviti mereka".

Disebabkan oleh bebankerja yang sering bertambah, Jabatan Odit telah memperkenalkan satu pelan kerja dalam tahun 1979 untuk memberi liputan odit atas dasar pusingan 3 tahun. Di bawah pelan ini oditan yang akan dilakukan pada tiap-tiap tahun adalah dirancang supaya tiap-tiap Kementerian atau Jabatan akan tertakluk kepada satu kajian mendalam terhadap sistem-sistem kawalan kewangannya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiap-tiap 3 tahun.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini jelaslah menjadi satu langkah ke belakang (retrograde) dan saya menyeru Kerajaan supaya menambahkan peruntukan-peruntukan bagi Jabatan Ketua Odit Negara dengan serta-merta supaya ia boleh menjalankan kerja-kerja mengodit setiap tahun dan bukan sekali dalam tiga tahun bagi semua jabatan-jabatan Kerajaan.

Saya perhatikan bahawa Jabatan Ketua Odit Negara akan menjalankan kajian-kajian odit khas untuk menilai kegiatan-kegiatan operasi khas dan juga pelaksanaan program-program atau projek-projek. Kerja-kerja mengodit prestasi seumpama itu tidak boleh dihalang kerana kekurangan kakitangan dan wang.

Saya dapat mengetahui dalam Laporan Ketua Odit Negara 1979 bagi Kerajaan Persekutuan bahawa Ketua Odit Negara tidak lagi menyertakan Lampiran (Appendix) yang biasa atas perakuan-perakuan atau perhatian-perhatian yang dibuat oleh Public Accounts Committee atas Public Accounts yang belum dilaksanakan atau tindakan executive belum diambil. Dalam laporan Ketua Odit Negara tahun 1978 ada menyenaraikan sebelas perkara yang outstanding.

Saya tidak tahu sama ada ini berlaku kerana kesemua sebelas perkara ini telah pun diambil tindakan oleh Kerajaan ataupun Ketua Odit Negara telah putus asa (give up in despair) memandangkan tidak ada sebarang harapan bahawa tindakan executive akan diambil ke atas perkara-perkara ini yang mana ada sebilangan yang telah disebut dalam Laporan Ketua Odit Negara 1966.

Tetapi Ketua Odit Negara tidak boleh memastikan dengan kesannya wujud tahap tinggi accountability awam ke atas segala perbelanjaan awam, melainkan usaha-usaha beliau disokong dan dibantu penuh oleh satu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen yang cekap.

Ketua Odit Negara telah pun mengeluarkan Laporan Odit Kerajaan Persekutuan 1979, tetapi malangnya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara masih belum lagi membentangkan laporan-laporan bagi 1975 dan 1976 ataupun mengeluarkan laporan penuh bagi 1977.

Langkah pertama yang Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara patut mengambil ialah untuk mengeluarkan semua laporan ini dalam tempoh yang seberapa singkat yang boleh.

PERNAS telahpun memiliki Hotel Jayapuri di Petaling Jaya dan akan mengubahsuaikannya kepada Hilton Petaling Jaya (PJ Hilton). Saya telah diberitahu oleh kakitangan Hotel Jayapuri bahawa mereka kesemuanya akan dibuang kerja dan kemudiannya akan digantikan oleh pekerja-pekerja baru. Pada masa sekarang, di antara 400 orang kakitangan Hotel Jayapuri terdapat 48% orang Melayu dan 52% bukan Melayu. PERNAS berniat untuk menggantikan kakitangan sekarang dengan orang-orang baru di mana 90-95% daripadanya akan terdiri daripada orang-orang Melayu.

Dasar Ekonomi Baru akan dipandang sebagai merampas kerja-kerja daripada orang-orang bukan Melayu jika badan-badan awam seperti PERNAS menggunakan wang rakyat untuk memiliki badan-badan lain yang sedang bergiat dan kemudiannya membuang kerja pekerja-pekerja bukan Melayu. Saya merayu Yang Berhormat Menteri yang terlibat untuk mengambil perhatian berat dalam perkara ini dan menamatkan ketidakadilan seperti ini dari berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan 2M telah minta rakyat Malaysia 'Pandang ke Timur' dan mencontohi etika kerja orang-orang Jepun. Saya rasa adalah elok bagi Kerajaan 2M sendiri untuk 'Pandang ke Timur' dahulu dan mempelajari pengajaran-pengajaran yang betul dari 'miracle' ekonomi Jepun itu.

Apa yang mengatasi segala-galanya ialah kejayaan orang-orang Jepun itu disebabkan kerana wujudnya rasa kesedaran nasional di khalayak orang-orang Jepun yang mempunyai matlamat dan identiti yang sama.

Orang-orang Jepun tidak dipecah-belahkan kepada dua kelas warganegara, satu bumiputra dan lain bukan bumiputra. Orang-orang profesional Jepun tidak berhijrah dengan begitu banyak ke luar negeri semata-mata kerana anak-anak mereka tidak dapat peluang pelajaran yang adil di tanahair mereka. Orang-orang profesional Jepun tidak dituduh sebagai tidak taatsetia kepada negara mereka semata-mata kerana mereka tidak bersetuju dengan dasar Kerajaan yang memerintah. Hanya minggu lepas, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menuduh dua rakan seperjuangan saya dari Kuching dan Sibru sebagai 'tidak taat setia' kerana mereka telah menggunakan hak perlembagaan mereka untuk berucap dalam bahasa Inggeris. Malah Ahli dari Matang sendirilah yang tidak taat setia kepada Perlembagaan Malaysia dengan membidas peruntukan-peruntukan perlembagaan yang membenarkan Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah untuk berucap dalam bahasa Inggeris di Parlimen. Lagi, di Jepun pula, Ahli-ahli Parlimen Jepun dan pemimpin-pemimpin Pembangkang tidak dilarang dari melawat sebahagian daripada negara mereka sendiri seperti Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya dilarang dari melawat Sabah kerana ketakutan sungguh (mortal fear) Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan pemimpin-pemimpin BERJAYA.

Sekiranya kita hendak mempelajari dari orang Jepun, kita hendaklah dahulu belajar untuk menggalakkan rasa 'national oneness' yang harus berdasarkan di Malaysia kepada ciri berbilang-bangsa, bahasa, budaya dan agama masyarakat kita.

Adalah penting pihak Barisan Nasional memahami dan menghormati aspirasi-aspirasi sah rakyat Malaysia, bukan sahaja aspirasi-aspirasi sah orang-orang yang mengundi Barisan Nasional tetapi juga aspirasi-aspirasi sah orang-orang yang mengundi Pembangkang.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa beberapa hari dahulu bahawa Parti DAP telah menang pilihanraya Kecil Kepayang

kerana pengundi-pengundi Kepayang mahukan DAP hidup dan DAP tidak ada apa-apa untuk menawar kepada rakyat di Kepayang (there is nothing more to offer and it just wants to live).

Akan menjadi satu hari yang sangat sedih sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mendengar 'bisikan' Presiden MCA tetapi tidak dapat mendengar suara jelas dan lantang 16,246 orang pengundi Kepayang yang telah pada 16hb Oktober memberi DAP kelebihan undi sebanyak 9,764. Malah, kemenangan DAP dalam pilihanraya kecil Kepayang dengan majoriti besar yang diperolehi oleh saudara Lau Dak Kee menunjukkan bahawa kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum tahun ini merupakan satu 'aberration, flesh in the pan' semata-mata.

Pilihanraya Kecil Kepayang adalah bersejarah bukan sahaja dalam ertikata mengesahkan dalam jangkamasa lima bulan sahaja bahawa kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum April lalu merupakan satu 'aberration' semata-mata tetapi juga kerana pengundi-pengundi di situ telah menerima sebuah Perisytiharan yang menggariskan sebuah negara Malaysia yang mereka inginkan yang boleh juga menjadi asas bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk mewujudkan perpaduan negara untuk membolehkan Malaysia melakukan 'miracle' ekonomi seperti Jepun.

Saya telah diamanahkan oleh pengundi-pengundi Kepayang untuk mengisytiharkan di sini Pengisytiharan Kepayang dan saya dengan ini berbuat demikian, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

"Pengisytiharan Kepayang yang diterima oleh pengundi-pengundi Kepayang semasa pilihanraya kecil Kepayang tahun 1982.

Kami, pengundi-pengundi Kepayang, sempena dengan pilihanraya kecil Kepayang pada 16hb Oktober, 1982, mengisytiharkan bagi pihak rakyat

Malaysia yang mempunyai fikiran yang sama di seluruh pelusuk Malaysia:

Bahawa kami menentang dan membantah dengan sekeras-kerasnya Dasar Pembinaan Negara Barisan Nasional untuk tahun lapan-puluhan untuk membina sebuah Malaysia 'satu bahasa, satu budaya' sepertimana terkandung dalam dokumen dasar tertinggi yang pertama Kerajaan Barisan Nasional selepas Pilihanraya Umum April 1982 pada Pembukaan Rasmi Parlimen pada 11hb Oktober, 1982;

Bahawa kami mengutuk khususnya MCA yang telah, selepas mencapai 'major breakthrough' dalam pilihanraya umum April, 1982 seperti dituntutnya, bersetuju dan menyokong Dasar Pembinaan Negara Barisan Nasional untuk tahun lapan puluhan mengenai 'satu bahasa, satu budaya' dan dasar pembinaan negara seumpama itu adalah bertentangan sama sekali dengan ciri berbilang bangsa, bahasa, ugama dan budaya negara Malaysia;

Bahawa kami menuntut semua Menteri, Timbalan Menteri, Ahli Exco Negeri dan Ahli Dewan Negeri MCA untuk menerangkan kepada negara berasas kepada apa authoritynya mereka bersetuju dan menyokong Dasar Pembinaan Negara Barisan Nasional itu untuk tahun lapan puluhan mengenai 'satu bahasa, satu budaya' yang akan melemahkan dan membahayakan dengan teruk hak dan taraf hidup, politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan orang-orang China Malaysia dan juga generasi akan datang;

Bahawa kami mengutuk sekatan yang dikenakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ke atas tarian singa, yang jelas merupakan salah satu daripada langkahan awal Dasar Pembinaan Negara Barisan Nasional untuk tahun lapan puluhan mengenai 'satu bahasa, satu budaya';

Bahawa kami melahirkan rasa terkejut kami terhadap ucapan Pemangku Perdana Menteri di pembukaan

Perhimpunan Agung MCA yang menyoal taatsetiaan orang-orang China Malaysia yang berani mengkritik dan menentang dasar-dasar Barisan Nasional dan mengisytiharkan bahawa taatsetiaan kami kepada Malaysia tidak kurang dari taatsetiaan orang-orang lain dan tidak ada sesiapa yang dikehendaki bertaatsetia kepada UMNO, MCA ataupun Barisan Nasional;

Bahawa kami mengisytiharkan bahawa Malaysia hanya boleh berjaya, berkembang subur dan bermakmur sebagai sebuah Malaysian Malaysia yang berbilang bangsa di mana dasarnya ialah 'pelbagai bahasa, pelbagai budaya' dan bukan 'satu bahasa, atau budaya';

Bahawa kami membenarkan Partai DAP untuk mengutarakan dalam Parlimen, pandangan-pandangan kami ini seperti diuraikan di sini, yang kami menanamkan Perisytiharan Kepayang, sebagai panduan kepada Parlimen dan Kerajaan sebagai dasar pembinaan negara yang wajar untuk tahun lapan puluhan di Malaysia".

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Saya suka hendak bertanya sama ada declaration ini, adakah pengisytiharan DAP ataupun Pengisytiharan Kepayang dan kalau Pengisytiharan Penduduk-penduduk Kepayang bagaimanakah pengisytiharan itu dibuat, adakah melalui referandum atau bagaimana?

Tuan Lim Kit Siang: Inilah pengisytiharan rakyat Kepayang melalui ceramah-ceramah di mana rakyat Kepayang ada banjir dan menunjukkan sokongan. Dengan sebab itu

saya dengan mandat rakyat Kepayang yang ada dalam pilihanraya kecil Kepayang yang menunjukkan dengan majoriti yang overwhelming untuk mengutarakan pengisytiharan Kepayang kepada Parlimen, kepada Barisan Nasional dan kepada negara Malaysia.

Saya berharap Kerajaan Barisan Nasional akan menghormati pandangan pengundi-pengundi Kepayang dan Malaysia sepertimana terkandung dalam Pengisytiharan Kepayang itu. Kami dalam Partai DAP sedia bekerjasama dengan sepenuhnya dengan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Malaysia yang bersatupadu. Kita tidak mahu 'politik konfrantasi'. Tetapi, jika dihadapi dengan konfrantasi, maka kita tidak ada pilihan lain melainkan terpaksa menyahut kepada 'politik konfrantasi'. Hakikat yang kami telah menyertai dalam proses demokrasi berparlimen menunjukkan bahawa kami percaya dengan politik kerjasama demi kepentingan negara berasaskan kepada hak-hak dan kepentingan rakyat.

Satu lagi rahsia yang menyebabkan kejayaan orang-orang Jepun ialah peranan penting yang dimainkan oleh pelajaran dalam hidup orang-orang Jepun. Kerajaan 2M sepatutnya 'Pandang ke Timur' dan mencontohi tauladan orang-orang Jepun dan membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta.

Jepun mempunyai lebihkurang dua juta penuntut universiti. Bilangan penduduk kita hanya 1/10 berbanding dengan penduduk Jepun dan mengikut proportion, kita sepatutnya mempunyai 200,000 penuntut universiti. Kita hanya mempunyai 20,000 sahaja. Jepun mempunyai lebih kurang 300 buah universiti tetapi kita lima sahaja sedangkan mengikut proportion kita sepatutnya mempunyai 30 buah universiti. Saya sukacita bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan pada hari Sabtu lalu bahawa Kerajaan bercadang untuk menubuhkan universiti keenam tetapi itu adalah terlalu tidak mencukupi.

Di Jepun, 80% daripada universiti-universiti di situ adalah universiti swasta tetapi di Malaysia usaha untuk menubuhkan universiti swasta yang pertama, Universiti Merdeka, telah ditentang oleh parti-partai komponen Barisan Nasional yang sekarang mahu semua memandang ke timur.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan atas Titah Ucapan Diraja, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah, telah cuba mempertahankan 'politics of blackmail' yang diamalkan oleh beliau dan parti beliau. Beliau juga telah cuba mempertahankan penyalahgunaan kuasa yang dilakukannya dengan mengharamkan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya daripada memasuki Sabah atas alasan bahawa saya telah menyalahgunakan hak untuk memasuki Sabah dalam tahun 1978 dan juga pengharaman tersebut dikenakan 'untuk menjamin keselamatan rakyat', dan bukan kerana Parti BERJAYA takut dengan parti DAP.

Ini adalah bukti jelas bahawa penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Ketua Menteri Sabah kerana beliau telah arrogate kepada dirinya sendiri kuasa-kuasa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkait dengan hal keselamatan. Selepas mengharamkan saya dari memasuki Sabah, Yang Berhormat Ketua Menteri telah menuduh saya sebagai communistic kerana dalam lawatan saya selama seminggu ke Sabah dalam tahun 1978 saya telah menghabiskan banyak masa dengan melawat rakyat jelata seperti penjaja-penjaja, pemandu-pemandu teksi, pekerja-pekerja, orang-orang biasa untuk menemui mereka dan mengetahui masalah-masalah yang dihadapi mereka. Sekiranya untuk bersama dengan rakyat biasa bererti seseorang itu adalah communistic maka saya fell guilty. Ini dengan sendirinya menunjukkan jenis politik parti BERJAYA yang hanya boleh bergantung kepada kuasa menerusi politic blackmail dan takut kepada politik rakyat.

Semasa lawatan saya selama seminggu ke Sabah iaitu dari 24hb Februari hingga 4hb Mac, 1978 saya telah melawat Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu dan saya

secara literally dibanjiri dengan berbagai-bagai masalah rakyat, beberapa darinya adalah masalah yang besar dan beberapa daripadanya adalah masalah-masalah kecil, sebahagiannya yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, yang lain di bawah bidang kuasa Negeri atau di bidangkuasa Kerajaan Tempatan. Saya berasa hairan malah terkejut kerana wujudnya begitu banyak masalah dan aduan yang menyebabkan saya memikirkan sama ada keempat-empat bandar yang dilawati oleh saya di Sabah itu mempunyai sebarang wakil rakyat atau tidak.

Saya telah mengutarakan secara umum masalah-masalah yang telah di sampaikan kepada saya oleh orang ramai terutama sekali masalah-masalah yang menjadi 'close to the hearts of Sabahans' yang saya menemui termasuk masalah pelarian Filipino, rasuah yang menjadi-jadi dan pengeluaran permit teksi sebarang.

Secara kebetulan saya telah bersama dengan Ketua Menteri Sabah dalam Kapalterbang yang sama pada 24hb Februari dan memberitahu beliau bahawa di akhir lawatan saya, saya ingin membuat kunjungan hormat ke atas beliau yang saya telah pun melakukan pada 3hb Mac.

Tetapi, Yang Berhormat Ketua Menteri telah mementaskan satu konfrantasi dan Show-down dengan saya dengan keluaran Menteri-menteri Kabinet dan Ketua-ketua Jabatannya. Sebagai seorang yang bersopan santun yang ingin melakukan kunjungan kehormat ke atas seorang Ketua Kerajaan saya tidak pergi ke situ untuk melakukan satu konfrantasi. Tetapi, mungkin saya sepatutnya berlagak kurang sedikit civilised semasa itu.

Bahawa seluruh konfrantasi dipentaskan dan saya dapat lihat secara retrospect daripada hakikat bahawa apabila saya pulang ke Kota Kinabalu pada 2hb Mac, berbagai-bagai orang telah datang berjumpa dengan saya dan minta tolong supaya jangan adakan sebarang konfrantasi apabila saya menemui Yang Berhormat Ketua Menteri pada hari keesokannya. Salah satu daripada orang yang mendesak dan jumpa saya ialah Datuk Wee

Boon Ping yang telah diperkenalkan menerusi telefon oleh Yang Berhormat Datuk Stephen Yong, Setiausaha Agung SUPP dari Kuching.

Saya tidak mempunyai apa-apa niat untuk mengadakan konfrantasi politik dengan Ketua Menteri tersebut tetapi 'missi rayuan' ini atau mission of appeal' ini telah menjadikan saya supaya lebih berhati-hati untuk mengelakkan sebarang bau konfrantasi dengan Ketua Menteri tersebut apabila saya kunjungi beliau.

Walaupun saya telah masuk ke dalam 'perangkap' yang dipasang oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah, saya tidak, seperti dilaporkan oleh Berjaya dan diucapkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri dalam Dewan ini menarik balik kenyataan-kenyataan saya mengenai masalah pelarian Filipino, rasuah dan pengeluaran permit teksi secara sembarangan meskipun saya telah menjelaskan beberapa perkara kepada beliau.

Pertama, masalah pelarian Filipino telah dan sedang mendapat tempat utama dalam fikiran semua golongan rakyat Sabah baikpun mereka itu adalah tempat orang-orang Kadazan, China atau Melayu kerana pelarian-pelarian Filipino ini telah mengwujudkan masalah-masalah sosial-ekonomi kepada rakyat Sabah dan menafikan rakyat Sabah peluang-peluang pekerjaan, kemudahan pelajaran dan kesihatan serta juga menimbulkan masalah ketenteraman awam seperti terbukti dengan meningkatnya insiden-insiden pencurian, samun malah pembunuhan. Masalah pelarian Filipino ini menjadi lebih berat apabila kita menyedari bahawa rakyat Sabah yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman baikpun mereka itu adalah orang-orang Melayu atau Kadazan menghadapi hidup yang miskin dan desperate sementara pelarian-pelarian Filipino pula hidup dengan lebih bahagia.

Saya telah mencadangkan supaya satu persidangan semua parti diadakan untuk menghadapi masalah pelarian tersebut supaya masalah tersebut dilayan sebagai suatu masalah non-partisan. Saya telah

menyeru supaya diberhentikan dengan serta-merta dari meningkatkannya orang-orang pelarian Filipino dan saya telah nyatakan secara awam bahawa saya difahamkan bahawa bilangan pelarian-pelarian Filipino di Sabah telah meningkat dari 90,000 dalam tahun 1976 kepada 140,000 dalam tahun 1978 dan isu pelarian Filipino merupakan salah satu daripada isu yang ditonjolkan oleh parti Berjaya dalam pilihanraya umum tahun 1976 yang membolehkannya memegang teraju Kerajaan.

Saya telah ditanya oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah apabila saya melakukan kunjungan kehormat ke atasnya untuk membuktikan bahawa terdapat 140,000 orang pelarian Filipino di Sabah. Saya telah bergantung kepada beberapa akaun yang menunjuk bahawa angka 140,000 itu adalah satu angka yang reliable. Tetapi saya telah mengakui bahawa saya tidak mempunyai maklumat yang sebenarnya dan sekiranya angka 140,000 itu dipertikaikan oleh Parti Berjaya, saya sanggup menarik baliknya. Tetapi saya tidak menarik balik segala yang dikatakan saya tentang masalah pelarian Filipino.

Selepas menemui Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah, saya mendapati bahawa orang yang menyebut secara awam yang terdapat seramai 140,000 orang pelarian Filipino di Sabah tak lain tak bukan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk James Ongkili, dan ini telah pun dinyatakan olehnya dalam akhbar yang dimiliki oleh Berjaya, Daily Express bertarikh 22hb Jun, 1977.

Yang Berhormat Ketua Menteri juga membantah dengan keras tentang kenyataan yang dibuat oleh saya selepas meletakkan kalungan bunga di mausoleum Tun Fuad dan Datuk Mojuntin bahawa adalah perasaan beberapa kalangan bahawa korupsi di semua peringkat Kerajaan tidak berubah daripada masa yang lampau, malah perasaan ini telah wujud dengan begitu ketara dan disitulah saya mendapati ayat atau phrase 'besar atau kecil, semua makan'—'ta siow thong cheh'—besar atau kecil, semua makan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bahasa apakah itu?

Tuan Lim Kit Siang. . . . yang digunakan pada umumnya oleh rakyat Sabah untuk menggambarkan rasuah di negeri tersebut.

Saya telah memberitahu Yang Berhormat Ketua Menteri bahawa saya tidak membuat apa-apa tuduhan mengenai rasuah terhadap pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri Berjaya tetapi pada masa sekarang terdapat bukti yang jelas dan banyak yakni terdapat evidence galore tentang rasuah yang diamalkan oleh Kerajaan Berjaya. Skandal 'A—B—C' di mana 800,000 ekar konsensi kayu-balak dibahagikan kepada tiga kategori pegawai-pegawai Berjaya di mana mereka yang berada dalam kategori A menerima 1,500 ekar; mereka yang berada dalam kategori B menerima 1,000 ekar dan mereka dalam kategori C menerima 500 ekar setiap orang merupakan contoh yang paling baik tentang rasuah di Sabah.

Saya mencabar Yang Berhormat Ketua Menteri dan semua Ahli-ahli Parlimen daripada Berjaya dan Ahli-ahli yang disifatkan sendiri sebagai Bebas sebenarnya yang palsu, Bebas Berjaya untuk bersetuju supaya sebuah Suruhanjaya Siasatan di Raja ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam rasuah yang berlaku di Sabah dan biarlah rakyat dan dunia lihat sama ada Kerajaan Berjaya itu adalah berasuah atau bersih.

Pada Sabtu lalu, Yang Berhormat Ketua Menteri telah mengumumkan bahawa Berjaya akan menyerahkan tiga kerusi Dewan Negerinya di Sandakan kepada pihak Pembangkang sekiranya rakyat di sana tidak lagi mahukan Parti Berjaya mewakili mereka. Dalam pilihanraya umum April lalu, calon Berjaya telah ditolak oleh rakyat dan rakan saya Saudara Fung Ket Wing telah dipilih semula sebagai Ahli Parlimen Sandakan dan ini menunjukkan bahawa penduduk-penduduk di Sandakan tidak mahu Parti Berjaya mewakili mereka. Yang Berhormat Ketua Menteri harus mengkotakan kata-katanya dan mengarahkan ketiga-tiga Ahli Dewan Negeri

Berjaya dari kawasan Sandakan supaya letak jawatan serta juga mengumumkan bahawa Berjaya tidak akan bertanding dalam ketiga-tiga kawasan tersebut.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, demi kebaikan rakyat Sabah, demi kebaikan rakyat Malaysia juga Yang Berhormat Ketua Menteri harus meletakkan jawatannya sebagai Ketua Menteri dan menamatkan politik 'blackmail' dalam negeri tersebut yang mana politik 'blackmail' itu merupakan satu petanda (blot), satu black mark yang buruk ke atas demokrasi Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai.

4.28 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut membahas di atas cadangan Belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini pada 22hb yang lalu.

Saya rasa Belanjawan pada tahun 1982 yang dibentangkan di Dewan ini pada 22hb yang lalu adalah sebenarnya satu Belanjawan yang tidak membawa popular sama ada kepada Kerajaan ataupun kepada mana-mana pihak juga. Dan inilah yang kerap kali diambil kesempatan oleh pihak-pihak Pembangkang untuk mengeksploitasikan keadaan-keadaan yang seumpama ini. Tetapi yang jelasnya, seperti kata pepatah Melayu: 'Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'. Inilah kerap kali berlaku di Dewan yang seumpama ini. Kalau kita lihat pihak Pembangkang kerap kali yang bercakap berlagak sebagai burung tong untuk memperkata akan sesuatu tetapi apa yang diperkatakan itu tidaklah merupakan sebagai suatu tanggungjawab yang ianya terpaksa menerima bebanan dan bertanggungjawab melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Belanjawan pada tahun ini tidak banyak memberi kemewahan dan sudah pasti tidak membawa popular kepada rakyat, sungguhpun demikian adalah jelas daripada

strategi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi yang jelas. Yang pertama, belanjawan ini telah menerangkan adalah bertujuan bagi mengukuhkan keadaan kewangan negara yang mana kedudukan kewangan negara adalah bukan sesuatu yang boleh senang diperkatakan sepertimana Pembangkang katakan tetapi ianya terpaksa merancang sesuatu, terpaksa meneliti dan mengesan pelaksanaannya dengan teliti untuk mencapai kejayaan.

Yang keduanya, adalah bertujuan untuk terus mengekalkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya. Ini juga adalah bukan suatu yang enteng tetapi ianya perlu dirancang dengan teliti dan perlu dibuat dengan penuh fikiran dan ketelitian untuk sejajar dengan keadaan-keadaan kemelesetan ekonomi dunia.

Kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini jelas bukan sahaja kepada Kerajaan kita dan kepada negara kita, tetapi kepada dunia juga, bukan sahaja kepada negara-negara kecil yang sedang membangun, tetapi negara-negara besar, negara-negara yang maju juga sedang menghadapi kemelesetan ekonomi yang menghadapi kepada pertumbuhan dan perkembangan yang tidak stabil. Dan dengan adanya perancangan strategi bagi menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi ini, bererti kita sedang berusaha ke taraf kejayaan menerusi Belanjawan 1983 dan bukan seperti yang ditubuhkan oleh pihak Pembangkang.

Yang ketiganya, daripada strategi ini juga menunjukkan untuk harapan menjamin dan melindungi rakyat, terutama sekali rakyat miskin daripada menghadapi tekanan inflasi berikutan daripada kesan kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini. Hal ini bukan senang diperkatakan tetapi terpaksa merencana sesuatu dan melaksanakan sesuatu untuk kekesannya.

Daripada tiga strategi yang disebutkan di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ini, sekurang-kurangnya dapatlah kita sama-sama bersyukur ke hadrat

Allah s.w.t. bahawa dengan adanya strategi yang dirancang ini, kita harap masalah kemelesetan ekonomi dunia yang melanda negara kita ini akan dapat kita pertahankan sehingga dapat kita menghadapi pencapaian-pencapaian mengatasinya di tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun daripada strategi-strategi yang dinyatakan tadi, saya rasa sudah pastilah rakyat miskin yang sedang bersyukur dengan adanya perancangan dan strategi yang membawa perlindungan kepada mereka, kalangan-kalangan yang berkemewahan juga haruslah sedar bahawa daripada kenaikan cukai yang dikenakan sekurang-kurangnya membawakan mereka yang di dalam taraf kemewahan ini untuk berbakti dan berjasa kepada negara dan rakyat miskin di mana dengan kemewahan mereka dapatlah diberikan sedikit pertolongan kepada sektor miskin, terutama sekali kepada masyarakat-masyarakat petani di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas sekali dengan kenaikan-kenaikan cukai terhadap sektor-sektor yang lebih berkemampuan yang membawa tidak popularnya Belanjawan pada tahun ini, tetapi kepada rakyat miskin pertambahan dan peruntukan yang diberi mencukupi dan tidak menjejaskan peruntukan kepada pembangunan ekonomi dan sosio-ekonomi bagi penduduk-penduduk luar bandar di segi pertanian dan lain-lain adalah mencerminkan bahawa satu keminatan dan harapan Kerajaan untuk terus berusaha bagi meningkatkan kedudukan masyarakat miskin dalam pencapaian konteks Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Cuma satu perkara yang mungkin tidak dapat dilupai ataupun sentiasa menjadi bayangan pemikiran kita ialah tentang apakah yang dapat diberikan penuh-penuh kepercayaan terhadap jaminan yang seharusnya dapat diberikan oleh Kerajaan tentang sedikit-sebanyak kesan-kesan sampingan daripada kesan-kesan kenaikan cukai ataupun kesan-kesan yang membawa kepada kemelesetan ekonomi negara berikutan kemelesetan ekonomi dunia sekarang. Inilah satu saranan dari saya untuk mendapat

perhatian yang sesungguhnya daripada pihak Kerajaan dan dari pihak semua yang bertanggungjawab sama ada Jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan sendiri kerana sekiranya kita melalaikan dan kita tidak mengamati-amati tentang kesan-kesan sampingan ini, ianya mungkin dapat dieksploitasikan oleh pihak yang curang yang cuba mencari keuntungan dan kepentingan diri tanpa memikirkan kepentingan masyarakat umum dan kepentingan masyarakat yang miskin di luar bandar. Pihak Kerajaan haruslah mengambil sikap yang tegas di dalam penentuan keadaan ini supaya ianya tidak diselewengkan dan supaya ianya tidak akan membawa keruncingan yang bertambah daripada kesan-kesan sampingan, terutama sekali kepada masyarakat-masyarakat luar bandar yang kedudukan dan keadaan ekonomi pergantungan mereka adalah lebih mirip dan telah banyak di dalam peringkat ekonomi pergantungan dan ekonomi pinggir semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita memperkatakan tentang soal ekonomi ini, saya masih ingat beberapa perancangan dan strategi yang dibuat terhadap Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan untuk membasmikan kemiskinan masyarakat luar bandar dan juga untuk membawa perimbangan di antara kaum dan perimbangan di antara sektor-sektor di negara kita ini.

Saya ingin menegaskan di sini tentang apa yang pernah saya sebutkan di Dewan ini pada tahun yang lepas iaitu berhubung dengan kemajuan, berhubung dengan perkembangan pembangunan yang pesat dan berhubung dengan perancangan-perancangan yang diwujudkan sekiranya ianya tidak dapat diselaraskan dengan kemampuan penyertaan. Maka perancangan dan polisi yang dibuat dan pelaksanaan-peraksanaan yang akan berlangsung dan berjalan ianya tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya. Apa yang menjadi kebimbangan saya ialah kita takut perancangan dan pelaksanaan itu merupakan sebagai suatu lampu neon di pinggir kota yang mana menjadi tumpuan kelkatu dan akhirnya kelkatu yang menerpa

keindahan lampu neon tadi akan mati kepanasan daripada lampu yang berkelip-kelipan itu. Jadi, dalam pembangunan ekonomi, terutama sekali Dasar Ekonomi Baru ini, saya sukalah juga menekankan tentang pengertian yang saya sebutkan itu kerana setiap perancangan dan pelaksanaan akan tertumpu kekesan atau pencapaian oleh pihak rakyat jelata yang menerimanya. Sejauh manakah kemampuan penerimaan, sejauh manakah kemampuan dan pengalaman dapat bersama-sama menyertainya, itu adalah satu persoalan yang sedang menjadi kekeliruan dan masih lagi belum terjawab dengan nyata. Walaupun kita tidak menafikan bahawa daripada perancangan dan strategi pembangunan ekonomi dan juga peningkatan ekonomi menerusi Dasar Ekonomi Baru, sedikit-sebanyak telah membawa kesan dan menjadi bukti tetapi masih banyak lagi peringkat-peringkat yang tidak berkemampuan tidak dapat menyertai dan merasai nikmat yang dikehendaki seperti yang dirancang.

Salah satu yang saya jadikan contoh di sini ialah tentang kedudukan proses ekonomi peminggiran dan pergantungan yang saya sebutkan tadi. Untuk makluman di Dewan ini, bagi masyarakat-masyarakat luar bandar, khasnya petani-petani pergantungan ekonominya adalah bergantung besar kepada asas ekonomi yang kita tidak boleh nafikan iaitu berasaskan kepada tanah. Inilah satu masalah yang besar sekarang ini yang menjadi dilema kepada petani-petani dan bagi penduduk-penduduk luar bandar di mana mereka ini telah mewujudkan keadaan ekonomi pergantungan dan ekonomi peminggiran.

Saya sebutkan ini ialah kerana kedudukan ekonomi rakyat miskin di luar bandar yang berasaskan tanah ini, hanya mengharapkan kepada kemudahan infrastruktur yang ada. Hanya mengharapkan kepada pertanian yang diusahakan, hanya mengharapkan kepada hasil-hasil pengeluaran yang tidak dapat terjamin dan hanya mengharap kepada pemasaran yang juga tidak dapat memberikan jaminan. Dan kadangkala mereka ini juga telah menjadi mangsa

keadaan penindasan daripada suasana kedudukan inflasi dan peningkatan sara hidup ataupun peningkatan kos pengeluaran. Dan dengan itu terjadilah bahawa sektor pertanian dan masyarakat luar bandar yang bergantung kepada asas ekonomi tanah dan perolehan di bidang pertanian ini hanya menjadi pergantungan terhadap ekonominya daripada konsep ekonomi pergantungan yang saya sebutkan tadi, kerana ianya hanya mengharapkan penghasilan yang tidak terjamin sedangkan hasil yang dapat pulangan balik kepada mereka amat kecil jika dibandingkan dengan hasil di dalam sektor pemasaran, pemerosesan dan di sektor-sektor pengguna.

Saya bagi misalan di sini, seperti mana petani-petani padi jika dinilai setiap ringgit penghasilan daripada pengeluaran hasil padi yang akan membawa pulangan kepada peladang yang mengusahakannya ialah hanya sekadar 16 peratus sahaja daripada setiap ringgit. Sedangkan yang selebihnya itu ialah di peringkat sektor pemasaran, sektor pemerosesan dan sektor pengguna dan peruncit. Dengan itu berertilah bahawa apapun perancangan yang dibuat, keadaan mereka masih lagi di peringkat ekonomi yang dikatakan ekonomi pergantungan dan ekonomi peminggiran kerana peringkat yang mereka dapati hasilnya amat rendah dan amat kecil daripada keadaan pendapatannya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya akan jelaskan di sini ialah tentang masalah tanah yang merupakan asas ekonomi petani-petani itu sendiri. Kedudukan asas tanah seperti mana yang kita telah ketahui adalah merupakan asas utama kepada sektor pertanian ataupun masyarakat yang miskin di kawasan luar bandar dan masalah-masalah yang dihadapi oleh keadaan pemilikan tanah dan perusahaan tanah itu amat ketara dan masih lagi diperingkat yang tidak dapat diselesaikan sekarang ini. Kedudukan tanah, kalau kita hendak berikan tentang kedudukan kategorinya ialah dapat kita berikan kepada :-

Pertama tanah-tanah Kerajaan iaitu bidang-bidang tanah yang telah digezetkan

ataupun disimpankan untuk tujuan-tujuan tertentu yang mana tanah-tanah itu kadangkala juga diberi Lesen Pemilikan Sementara (TOL) kepada peladang-peladang atau petani-petani.

Kedua, tentang keadaan tanah pertanian. Bidang tanah pertanian ini yang telah digezetkan dan diperuntukkan untuk tujuan pertanian dan ini termasuklah tanah yang dituliskan kebenaran pembahagian milik tanah untuk skim-skim pertanian yang mana juga tergolong sebahagian kecilnya daripada tanah TOL, tanah Kerajaan yang diberikan.

Ketiga, kategori tanah-tanah lombong iaitu bidang tanah yang diliputi oleh pajakan perlombongan ataupun khusus untuk sijil perlombongan.

Keempat, tanah Simpanan Melayu iaitu tanah yang belum lagi diperuntukkan kegunaannya tetapi juga digezetkan di bawah Enakmen Simpanan Melayu. Tanah-tanah yang terdapat di dalam Simpanan Melayu ini yang digezetkan itu adalah satu kegunaan yang dimaksudkan dan kadang-kadang kala termasuklah di dalam kategori tanah-tanah yang telah saya sebutkan tadi.

Kelima, terdapat juga tanah yang di dalam kategori yang dinamakan Tanah Simpanan Ragutan iaitu tanah yang digezetkan sebagai kawasan ragutan kerbau-lembu di bawah kawalan Jabatan Haiwan.

Keenam, Tanah Hutan Simpanan iaitu tanah yang digezetkan untuk tujuan perlindungan sama ada tadahan air untuk eksploitasi sumber-sumber hutan dan sebagainya.

Ketujuh, tanah bandar iaitu tanah yang diperuntukkan bagi tujuan kegunaan perbandaran dan pembangunan bandar.

Kelapan, ialah kategori tanah simpanan lain yang di bawah simpanan Kerajaan yang termasuklah di bawah tanah-tanah perkuburan, Simpanan Polis, militari, padang kapal terbang, untuk jalanraya dan sebagainya termasuklah tanah bagi tempat untuk awam.

Saya sebutkan tentang kategori tanah ini, ialah untuk memudahkan saya menjelaskan di sini tentang penggunaan tanah itu pula. Penggunaan tanah dapatlah kita berikan kepada beberapa bahagian dan penggunaan, misalnya, kegunaan tanah untuk bandar, kegunaan bagi pembangunan ladang, untuk lombong dan perlombongan, untuk tapak tanaman campuran dan sayur-sayuran, untuk pusat dan kompleks-kompleks agensi Kerajaan termasuk agensi pertanian, kebun getah, ladang dan kebun-kebun kecil, untuk kelapa sawit sama ada ladang dan juga kebun kecil, untuk kelapa, ladang dan juga kebun kecil, untuk dusun, untuk padi ataupun sawah sama ada padi huma atau padi sawah, tanaman-tanaman lain seperti mana tanaman rumbia, pinang belukar dan hutan, kawasan ragut iaitu ladang rumput ataupun tanah yang terbiar paya dan tanah-tanah yang tidak produktif dan tanah-tanah yang digunakan untuk jalan jalan raya, taliair dan infrastruktur Kerajaan. Daripada keadaan tanah yang saya sebutkan itu, apa yang jelas ialah sekarang ini terdapatnya penggunaan yang tidak begitu teratur dan penggunaan yang tidak membawa faedah yang banyak terhadap pembangunan ekonomi.

Suka saya membawa satu contoh di sini, maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya bawakan contoh ini bagi negeri Kedah sahaja kerana saya datang daripada Kedah dan saya dapat angka perinciannya daripada Kedah. Tanah-tanah ini diberikan kepada 8 kategori yang saya sebutkan tadi:

Tanah Kerajaan	34,880 ekar
Tanah Pertanian	1,132,000 ekar
Tanah Lombong	5,187 ekar
Tanah Simpanan Melayu	258,362 ekar
Tanah Padang Ragut ..	10,868 ekar
Tanah Hutan Simpanan	825,968 ekar
Tanah Bandar; dan	21,736 ekar
lain-lain simpanan	1,976 ekar
Kerajaan	

Jika diberikan peratusannya ialah tanah Kerajaan 1.5% tanah pertanian 51% ; Tanah Lombong 23%, Tanah Simpanan Melayu 11.3%; Tanah Simpanan Padang Ragut .48%; Tanah Hutan Simpanan 35%; Tanah Bandar

.95%; lain-lain .1% yang berjumlah semuanya keluasan tanah di Kedah.

Satu contoh yang saya berikan di sini tentang tidak menggunakan kedudukan sumber tanah sebagai sumber ekonomi untuk pembangunan masyarakat tani dengan sepenuhnya, ialah daripada keadaan-keadaan penggunaan yang tidak pernah diambil tahu selama ini dan keadaan ini berterusan sehingga kalau tidak lagi diambil tindakan, mungkin ke hadapan juga. Saya beri misalnya di mana keadaan ini bukan sahaja tidak memberi keuntungan kepada petani-petani kerana tidak dapat dimajukan tanah-tanah ini dengan sebaik-baiknya ataupun diberikan keluasan tanah yang maksima untuk ekonomi kepada petani-petani, ianya juga tidak membawa manafaat kepada pendapatan dan ekonomi negara di samping ianya tidak juga membawa perkembangan-perkembangan kemajuan yang dapat menerapkan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya.

Misalnya daripada tanah Kerajaan 34,580 ekar ini-saya berikan misalnya di Kedah, saya percaya di negeri-negeri lain juga mungkin kedapatan begini, terdapat sebanyak 2,755 ekar tanah paya yang tidak langsung produktif sama ada untuk memberi peluang kepada rakyat mengusaha untuk mendatangkan hasil kepada rakyat miskin, juga tidak memberi sebarang pekerjaan untuk membawa faedah dan kemajuan kepada negara, malahan tidak membawa sebarang hasil kepada Kerajaan Negeri dan negara, sekiranya di negeri-negeri lain juga terdapat demikian.

Begitu juga kita dapati kawasan hutan sebanyak daripada 34,580 ekar kita kedapatan hutan-hutan belukar 9,386 ekar yang mana tanah-tanah ini juga tidak diberi perhatian, pada hal jika dapat dimajukan tanah ini untuk rakyat miskin ianya akan mendatangkan penghasilan bukan sahaja menyelesaikan masalah kemiskinan, tetapi membawa hasil juga kepada Kerajaan.

Satu lagi yang ketara menjadi kerugian ialah daripada tanah Kerajaan sebanyak 34,580 ekar ini sebanyak 11,115 ekar telah diterokai secara haram dan ditanam dengan getah di mana getah-getah diteroka secara

haram ini sudah tentulah tidak membawa penghasilan yang baik dan tidak ditanam dengan teratur dan tidak membawa penghasilan yang menasabah kepada pengusaha-pengusaha itu sendiri selain daripada Kerajaan tidak mendapat sebarang keuntungan sesenpun daripada tanah-tanah yang ada dinamakan tanah Kerajaan ini. Begitu juga kalau kita lihatkan tentang simpanan ragutan, tanah simpanan ragutan sebanyak 10,868 ekar, tanah ini menjadi belukar sekarang ini sebanyak 4,693 ekar yang tidak mendatangkan sebarang faedah dan tidak dirancang dengan teliti menerusi pihak-pihak yang tertentu. Dan selain daripada itu yang menjadi kawasan lalang dan rumput sahaja 3,458 ekar yang menjadi terbiar dan 777,062 ekar menjadi hutan belukar yang tidak diusahakan.

Jadi daripada contoh yang saya berikan ini adalah dengan harapan supaya masalah ini dijadikan satu masalah yang utama oleh pihak Kerajaan dan pihak agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa matlamat untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dapat diusahakan dengan sebaik-baiknya daripada peluang-peluang sumber ekonomi menerusi tanah ini, kerana kalau kita lihat daripada kenyataan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian baru-baru ini terdapat tiga sebab mengapa tanah-tanah menjadi terbiar di dalam negara ini dan di antaranya termasuklah tanah-tanah yang saisinya tidak ekonomik. Hal inilah yang menjadi kemelesetan dengan kemerosotan ekonomi bagi masyarakat miskin, kerana mereka mempunyai tanah yang diusahakan tidak ekonomik, sedangkan jika kita menyeru pada pihak Kerajaan untuk mewujudkan pemberian-pemberian tanah yang lebih ekonomik, Kerajaan mengatakan Kerajaan tidak ada tanah, sedangkan kita dapati tanah-tanah yang ada ini tidak dipergunakan dengan baik untuk membawa penghasilan sama ada untuk usaha-usaha pertanian ataupun usaha-usaha yang mendatangkan sumber-sumber pekerjaan yang boleh memberi pertambahan dan perimbangan di dalam bidang ekonomi khususnya untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan ini masalah yang menjadi kemelesetan ekonomi seperti yang saya jelaskan tadi, ianya sedikit sebanyak sama ada tidak langsung ataupun langsung menjejaskan juga kedudukan ekonomi masyarakat miskin di luar bandar terutama sekali yang bergantung kepada sumber tanah, maka ianya haruslah diambil perhatian yang bersungguh-sungguh dan bukan sahaja ianya menyerupakan sebagai satu laungan untuk menyedapkan perasaan dan didengar semata-mata.

Saya rasa dalam penyelesaian masalah ini tentulah agak merumitkan jika dibandingkan dengan keadaan sekarang, dan dengan kerana itulah kedapatan banyak tanah-tanah yang terbiar sekarang ini masih belum dapat diselesaikan walaupun telah lama dibangkitakan, misalnya, di Perlis sahaja 1,880 hektar, walaupun negerinya kecil-tanahnya terbiar; di Kedah 7,730 hektar; di Pulau Pinang, 7,479 hektar dan di Perak yang paling banyak sekali 19,356 hektar. Ini berdasarkan angka yang saya dapati di sini dan bagi negeri-negeri lain, saya rasa sudah tentulah angkanya juga tidak kurang ketaranya seperti yang saya sebutkan.

Jadi dalam usaha penyelesaian ini, apa yang saya lihat sekarang ini tidak ada sesuatu kekesanan yang boleh dilaksanakan. Kita tanya FELDA, FELDA hanya membuka rancangan tanah baru. Kita tanya RISDA, ianya hanya untuk menanam getah di kawasan-kawasan yang telahpun digezet untuk tanaman getah. Kita tanya FELCRA, ia hanya untuk melaksanakan perlaksanaan projek-projek yang ketinggalan yang telah dirancang oleh sama ada Kerajaan Negeri ataupun hanya untuk membuat percantuman tanah-tanah di bawah projek in situ, itupun baru tiga projek yang dicadangkan selama ini. Dan begitu juga kalau kita lihat Lembaga Pertubuhan Peladang yang memainkan peranan penting untuk usaha-usaha meningkatkan kedudukan ekonomi petani juga tidak mempunyai kekesanan dalam kuasa dan tugas yang harus dilaksanakan. Jadi sekarang ini kepada sesiapa yang kita perlu serah dan kepada siapa yang perlu kita harap dapat menyelesaikan persoalan ini. Inilah yang harusnya mendapat perhatian dan di sini saya rasa kalau keadaan ini tidak

diambil perhatian, maka ianya akan berterusan dan tidak akan membawa menafaat kepada pembangunan ekonomi masyarakat tani dan menafaat kepada penghasilan untuk negara dan juga penghasilan kepada pertumbuhan ekonomi dan hasil negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang seumpama ini bukan baru ini diperkatakan dan pernah juga telah disarankan supaya diwujudkan satu institusi baru bagi melaksanakannya, tetapi tidak juga mendapat perhatian dan pada hari ini sekali lagi saya cuba membawa hal ini kepada Dewan ini untuk segera mendapat perhatian, untuk menyelesaikan masalah tujuan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi khasnya untuk memberi segi keadilan sosial terhadap pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula struktur sosio ekonomi masyarakat luar bandar khasnya masyarakat petani yang bergantung besar kepada ekonomi berasaskan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlulah sekarang ini ataupun sudah sampai masanya untuk Kerajaan memikirkan sama ada menerusi Kementerian ataupun mana-mana agensi Kerajaan sendiri untuk berusaha menubuhkan sebuah institusi formal yang bertanggungjawab di dalam aktiviti pengumpulan penyatuan, pembahagian dan pembangunan tanah, terutama sekali tanah-tanah pertanian untuk menjamin pembangunan ekonomi rakyat, terutama sekali rakyat miskin luar bandar seperti yang saya sebutkan tadi. Buat masa ini dan menurut pandangan saya tugas ini bolehlah dilaksanakan dan dapatlah diusahakan oleh Kerajaan menerusi sebuah institusi baru yang perlu ditubuhkan, iaitu penubuhan Bank Tanah. Saranan penubuhan Bank Tanah ini yang sebenarnya bukanlah sebagai suara baru ataupun saranan baru, ianya pernah disuarakan oleh ramai pihak beberapa tahun yang lalu lagi tetapi seperti yang saya katakan tadi sehingga ini reaksinya adalah masih lemah pada hal Bank Tanah ini adalah merupakan sebuah institusi yang boleh memainkan peranan penting di dalam usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah

pembangunan tanah ini. Ianya juga adalah merupakan alat terpenting dalam pengawalan, samada di bidang pemerosesan dan pembangunan yang lebih teratur dan berkesan ke arah mencapai ekonomi yang lebih berkesan serta mengawal keadaan inflasi tanah itu sendiri.

Dalam banyak hal, Tuan Yang di-Pertua, urusan Bank Tanah khususnya oleh pihak Kerajaan dapatlah menwujudkan polar-polar pembangunan yang lebih cekap dan lebih sempurna serta dapat menghasilkan hasil-hasil yang lebih ekonomi dan berjaya daripada keadaan proses biasa pembangunan tanah yang tidak disatukan dalam keadaan yang tidak terkawal serta berselerak sepertimana keadaan yang ada pada hari ini, malahan ianya juga adalah untuk dapat memandu arah proses pembangunan tanah yang berasaskan tanah ini sejajar dengan matlamat pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dan menyelesaikan masalah ketidak-saksamaan yang terwujud di dalam bidang-bidang operasi pemilikan, pengambilan dan pembahagian tanah sendiri. Sekiranya keadaan ini dapat diambil perhatian dan dapat dilaksanakan segera adalah diharap ianya adalah merupakan sebagai satu harapan dapat banyak menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani di dalam bidang pemilikan tanah, pengurusan tanah dan juga pembangunan tanah yang menjadi asas utama kepada kedudukan ekonomi mereka.

Tuan Yang Di-Pertua, selain daripada itu suka juga saya hendak menyentuhkan di sini ialah tentang sistem komunikasi yang ada di dalam negara kita pada masa ini. Saya sungguh tertarik hati apabila baru-baru ini kerap kali terdengar Yang Berhormat Menteri Penerangan kita memperkatakan tentang sistem komunikasi yang sedang diberi perhatian dan akan dirancang suatu sistem yang kelak akan membawa sepenuh-penuh manfaat. Suka saya menyentuh tentang maksud sistem komunikasi ini di sini, kerana ianya juga berkait dengan perancangan, polisi, berkait dengan sistem perlaksanaan dan juga berkait dengan matlamat kekesanan dan pencapaian kerana sistem komunikasi

yang menjadi istilah kepada kata-kata sekarang ini bukan sahaja bermaksud perhubungan yang merupakan media yang mungkin kadang-kadangkala soal-soal media ini juga membawa kesan kepada sistem komunikasi yang boleh membawa sesuatu keadaan yang diinginkan dan tidak diinginkan, tetapi maksud saya menyebut tentang sistem komunikasi ini ialah tentang kearah mana pencapaian perancangan sesuatu polisi atau dasar dan perlaksanaan kepada pencapaian kekesannya. Hal ini pernah juga saya sebutkan di Dewan ini dalam ucapan-ucapan saya pada tahun-tahun yang lepas tentang konsep dasar polisi, perlaksanaan dan kekesanan ini. Sesuatu dasar, sesuatu perancangan yang dibuat oleh Kerajaan kita tidak menafikan bahawa ianya adalah berharap untuk mencapai manfaat dan faedah kepada negara, kepada Kerajaan dan juga kepada rakyat dan perlaksaaannya juga haruslah berdasarkan kepada kemahuan dan perancangan dasar polisi tadi. Tujuannya ialah untuk benar-benar mencapai kekesanan dan dapat diterima oleh pihak rakyat.

Apa yang menjadi kekeliruan kadang-kadangkala tentang komunikasi ini ialah kadang-kadang polisi dan perancangan dengan pihak-pihak perlaksanaan, kurangnya hubungan, yang kadangkala membawa pengertian yang berlainan di mana dasar dan polisi dilaksanakan dengan bertentangan dan kadang-kadangkala pula pihak-pihak yang melaksanakannya langsung tidak memahami apa itu polisi dan dasar perancangan yang ada dengan keadaan yang demikian untuk mencapai kekesanan dan matlamatnya sudah menjadi terapung ataupun di awang-awangan. Jadi saya rasa di dalam Kerajaan perlulah ditekankan tentang sistem komunikasi ini dengan lebih teratur sedikit jika diinginkan kejayaan yang sepenuh-penuhnya daripada perancangan kepada perlaksanaan dan kekesanan. Disamping itu satu saranan yang harus diambil perhatian juga ialah bahawa untuk kekesanan perlulah difahami oleh pelaksanaan dan perancangan dasar tentang apa yang boleh diterima dan apa yang tidak boleh diterima. Jadi inilah yang sebenarnya kehendak sistem komunikasi yang diperlukan iaitu sesuatu kefahaman yang harus disampaikan daripada asas dasar kepada

bagaimana melaksanakannya dan bagaimana harus menerima untuk pencapaiannya dan disamping itu juga harus diterima pandangan diperingkat yang boleh menerima dan dapat membawa kekesanan untuk kefahaman pihak yang melaksanakannya supaya mewujudkan pula perancangan dan polisi dasar yang bersesuaian. Sekiranya tidak, seperti yang saya katakan tadi daripada awal-awal saya pernah mengatakan bahawa saya kebimbangan kemungkinan perancangan pembangunan yang begitu pesat kemungkinan menjadi satu lampu neon dipinggir kota yang menjadi perhatian kelkatu untuk tertumpu ke sana dan akhirnya mati kekeringan kerana kepanasan lampu-lampu neon itu sendiri, ini juga adalah sama. Kerana apa saya menekankan ini? Kerana banyak perancangan-perancangan yang dilaksanakan kadang-kadangkala tidak dapat difahami diperingkat bawahan dan dengan itu tidak dapat dilibati dan disertai dan apabila tidak dapat disertai dan dilibati, bererti dasar yang dirancang dan dilaksanakan itu tidak sampai kepada matlamatnya dan akhirnya kita akan menghadapi kegagalan.

Sungguhpun saya rasa kita masih lagi belum kecewa dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang telah berjalan sehingga ini sudah meningkat kepada 12 tahun pencapaiannya masih rendah, ini sebagai satu bukti bahawa dasar, perlaksanaan kurang berkesan kerana kurang berkesan ini bukan kerana sesuatu tetapi kerana sistem komunikasi tidak dapat dirancang, diaturnya supaya ianya benar-benar mempunyai suatu perhubungan yang rapi di antara peringkat pembuat dasar, perlaksanaan dasar dan penerimaan dan begitu juga kefahaman tentang kemahuan penerimaan terhadap perlaksanaan dan dasar yang dibuat. Saya rasa sekiranya ini dapat ditekan dan diberi perhatian maka insya Allah, penyelesaian sedang berada dan kita harap ianya masih belum kelewatan.

Cuma saya berharap janganlah di dalam melaksanakan sistem komunikasi ini akan wujud pula sikap-sikap, misalnya, sikap-sikap yang membuat dasar angkuh kononnya dengan kuasa yang ada bahawa ianya hanya boleh menentukan sama ada mahu turut atau tidak mahu turut ia berkuasa dan begitu juga

kadang-kadang menimbulkan sikap pelaksanaan, terutama sekali bagi mereka yang mempunyai kedudukan profesional di dalam sesuatu bidang, ia meneruskan sikapnya dengan apa yang dipelajari tanpa memikirkan tentang kekesanan di peringkat yang boleh menerima, tidak boleh menerima, apa masalah yang sedang dihadapi ataupun apakah bimbingan, bantuan, pertolongan dan sebagainya. Ini kerap kali berlaku dan ini bukan sahaja berlaku di peringkat bawah tetapi di peringkat kepimpinan politik pun berlaku.

Misalnya, saya sendiri sebagai Wakil Rakyat pernah menghadiri di dalam satu seminar dan telah menjadi satu isu di mana dituduh bahawa Wakil-wakil Rakyat kerap kali mencampur adukkan soal-soal pentadbiran dan kuasa-kuasa profesional dan laporan-laporan telah disampaikan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri kononnya bahawa Wakil Rakyat membawa aliran politik campur aduk di dalam pentadbiran dan profesional ini. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Wakil-wakil Rakyat ini adalah datangnya dari pemilihan oleh rakyat dan bila Wakil-wakil Rakyat datang ke kampung masalah rakyat dibentangkan. Bila datang ke kampung kadangkala saya sendiri pernah menerima ada rakyat yang makan nasi tiga hari dalam seminggu dan yang bakinya makan yang lain kerana kurang beras disebabkan pendapatannya miskin. Tetapi bila kita membangkitkan sesuatu untuk membetulkan keadaan kononnya ini tidak boleh, ini berlawanan dengan tata susila ilmu ekonomi. Kadangkala ada pakar-pakar profesional ekonomi yang bertuhankan kepada teori-teori ekonomi barat terutamanya tanpa memikirkan kepentingan apakah yang sesuai dan sejajar dengan kehendak-kehendak penerimaan dan pembangunan yang kita tujui untuk dasar dan pelaksanaan.

Inilah satu perhatian yang saya sebutkan tadi semoga tidak akan wujudnya sikap-sikap keegoan (ego) yang seumpama ini kerana kalau keadaan ini berlarutan dan terjadi sudah tentulah perancangan ekonomi untuk matlamat kekesanan tidak akan dapat diterima. Misalnya, lagi satu, sekarang ini

Kerajaan lebih mengutamakan dan mementingkan "Pandang ke Timur". Bagi saya masih lagi kabur-kabur apakah satu sistem dan keadaan yang "Pandang ke Timur" ini untuk dapat dibawa bagi dilaksanakan di dalam konteks usaha membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Kerana apa saya berkata begini, kalau kita hendak pandang ke Korea ataupun ke Taiwan misalnya, pembangunan ekonomi di sana, terutama sekali di dalam sektor kemiskinan agak berlainan dengan sistem ekonomi di negara kita. Perkara-perkara yang seumpama ini pernah saya bawakan kepada peringkat pakar-pakar ekonomi, kerana pakar ekonomi ini juga terlibat di dalam pakar-pakar perancang dasar, pakar-pakar ini mengatakan bahawa ini adalah bertentangan dengan teori-teori ekonomi yang ada ataupun berlawanan dengan keadaan-keadaan sistem ekonomi yang ada. Inilah yang saya katakan bahawa saya masih kabur-kabur. Kalau usaha-usaha hanya hendak ditumpukan sekadar membawa disiplin, saya mengakui bahawa disiplin di dalam melaksanakan tugas dan kerja yang dibuat di Jepun, di Korea dan sebagainya boleh ditiru dan diikuti, terutama sekali di dalam penggunaan masa, penggunaan setiap keperluan yang dapat dilaksanakan, misalnya, termasuk juga tanah ataupun bidang-bidang hak yang lain. Tetapi andainya sekiranya keadaan sistem tidak diubah kemungkinan tidak dapat dilaksanakan.

Saya katakan begini, baru-baru ini dalam taklimat dengan Menteri Pertanian, Yang Berhormat Menteri Pertanian telah mengatakan bahawa tanaman padi adalah tanaman yang tidak ekonomik dan memang kita ketahui selama ini bahawa tanaman padi memang bukan tanaman yang ekonomik dan dengan itu Kerajaan terpaksa memberi subsidi secukupnya. Kalau tidak, lebih banyak lagi kawasan-kawasan tanah terbiar akan berlaku. Oleh kerana kita memerlukan beras secukupnya untuk makanan negara maka kita terpaksa memberi subsidi untuk tanaman padi. Tetapi apakah yang kita fikirkan untuk mengatasi masalah ini supaya masalah petani-petani padi ini menjadi satu perusahaan yang ekonomik yang boleh

mereka tumpukan. Ini bergantung kepada sistem keadaan dan dasar dalam negara. Apakah Kerajaan kita sanggup mengubah secara radikal ataupun beransur-ansur tentang sistem ekonomi yang ada sekarang di negara kita?

Saya boleh misalkan beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, salah satu misalnya ialah baja subsidi untuk petani-petani. Oleh kerana sistem di negara kita ini dasar ekonomi bebas, oleh kerana sistem yang ada di negara kita ini menurut prosedur-prosedurnya, untuk perbelanjaan mengeluarkan subsidi ini mesti ditender maka Kementerian pun tender baja itu dan apabila ditender baja-baja ini akan dapatlah kepada kompeni-kompeni yang besar-besar ataupun kepada pihak-pihak yang mampu memasuki tender ini, dan baja-baja ini dihantarliah kepada petani. Kerajaan membelanjakan wang, keuntungan di dalam pemberian ini dapat kepada satu sektor lain dan petani mendapatnya satu sahaja iaitu baja yang diberi, sedangkan daripada subsidi baja itupun masih lagi Menteri Pertanian berkata tidak ekonomik perusahaan padi.

Mengapakah kita tidak seragamkan, memberikan peluang-peluang penguasaan langsung. Kalau di sektor tanaman padi, misalnya, soal-soal pemasaran padi, soal-soal penguasaan pembekalan, soal-soal baja, soal-soal teknologi, soal-soal jentera juga diberikan kepada institusi petani-petani itu sendiri mengendalikannya, sekurang-kurangnya keuntungan itu berpulang balik dan dengan itu dapatlah lagi satu cabang rezeki untuk meningkatkan kedudukan ekonomi petani-petani itu sendiri. Inilah yang saya tanyakan tadi apakah difikirkan boleh dasar ini dirombak ataupun boleh dasar ini diberikan keutamaan-keutamaan yang tertentu misalnya. Begitu juga di bidang-bidang lain, misalnya, di dalam bidang pemasaran beras. Seperti yang saya katakan tadi petani-petani padi hanya mendapat 16% ataupun 16 sen sahaja daripada setiap ringgit hasil penjualan padi dan beras yang diusahakan, yang selebihnya di dalam sektor pemerosesan, sektor pemasaran dan sektor-sektor lain termasuk sektor pengangkutan.

Di Korea, agensi petani-petani diberi kuasa ataupun diberi keutamaan untuk supply beras dan makanan kepada tentera di Korea. Apakah di negara kita ini boleh diikhtiarkan oleh Kerajaan, khasnya Kementerian Pertahanan supaya kontrak pembekalan ini diberikan kepada sektor petani, kalau hendak beras berikan kepada petani-petani, sekurang-kurangnya di sektor itu mendapat sedikit pulangan balik kepada sektor pertanian. Inilah yang saya rasakan tadi bahawa di dalam sistem komunikasi ini adakah boleh diseragamkan supaya setiap perancangan polisi dan dasar akan dapat membawa kekesanan kepada matlamat ini. Saya harap apa yang kerap kali dibangkitkan oleh Menteri Penerangan tentang sistem komunikasi ini yang sebenarnya haruslah dibincangkan oleh Kabinet bersama dan bahawa sistem komunikasi ini bukan sahaja bermaksud sistem komunikasi menerusi media, menerusi Kementerian Penerangan di mana Kementerian Penerangan memikirkan bahawa keadaan komunikasi jika tidak dikaji, dirumuskan sesuatu tatacara yang lebih baik, kemungkinan ianya membawa satu pengaruh dan satu gejala yang buruk terhadap rakyat dan negara.

Saya tidak menafikan bahawa maksud sistem komunikasi yang dibangkitkan oleh Menteri Penerangan ini juga memberi erti dan pengertian yang agak luas di segi komunikasi menerusi media-media ini. Apa yang kita bimbang terutamanya ialah dengan keluasan dan kebebasan media-media yang ada satu keadaan kemungkinan penjajahan yang berunsurkan kepada penjajahan menerusi media komunikasi ini akan berlaku kerana keadaan-keadaan ini pernah berlaku di negara-negara Timur Tengah dan di negara-negara Barat. Kalau sekiranya pihak Kerajaan sendiri tidak memberi perhatian dan mewujudkan satu sistem komunikasi yang begitu erat menerusi perancangan, perlaksanaan dan kekesananan yang saya sebutkan tadi, ianya juga membawa kekesanan terhadap kesan-kesan komunikasi menerusi media-media kerana kerap kali sekarang ini apa yang didapati menerusi komunikasi media sama ada menerusi radio, televisyen dan sebagainya adalah banyak

membawa pengaruh terutama sekali kepada pengaruh-pengaruh terhadap anak-anak muda kita yang di dalam belasan tahun yang kurang matang kepada menghadapi cabaran dan suasana keadaan politik dunia dan politik negara. Kalau keadaan ini tidak diperbetulkan ianya akan menimbulkan masalah dan masalah yang timbul kelak ialah masalah krisis sosial yang akan menimpa sepertimana krisis sosial yang berlaku di negara-negara lain termasuklah krisis-krisis kerosakan moral dan sikap yang juga timbul daripada keadaan-keadaan yang tidak dikawal ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, sungguhpun seperti yang saya katakan tadi tidak membawa popular tetapi jelas dengan strategi-strategi yang dibentangkan dapatlah membawa sedikit sebanyak makna dan kesan tetapi kesan-kesan ini juga tidak dapat lari daripada kesan-kesan sampingan yang saya katakan tadi mungkin ianya akan membawa kepada beberapa masalah dan masalah-masalah ini sekiranya tidak juga diberi perhatian yang serius mungkin ianya akan membawa satu-satu masalah yang lain atau menimbulkan pula satu-satu gejala yang boleh dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Akhirnya saya harap sesungguhnya dengan Belajawan yang dibentangkan ini yang saya tidak detailkan kepada sesuatu Kementerian ataupun kepada satu-satu peruntukan tetapi matlamat yang saya sebutkan pada amnya ini ialah untuk dapat mewujudkan sesuatu perancangan, pelaksanaan dan kekesanan menerusi komunikasi yang lebih berkesan dan lebih bermanfaat. Dengan ini saya menyokong di atas pembentangan Belanjawan yang dibentangkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit.

5.24 ptg.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini adalah untuk turut sama dengan Ahli-ahli

yang lain bagi membahas Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah pada 22hb yang lepas.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya membentangkan satu bentuk Belajawan Negara bagi tahun 1983 yang begitu kemas, teratur dan kukuh yang banyak menggambarkan kepentingan rakyat dan negara sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Belanjawan yang telah dibentangkan ini telah juga menunjukkan betapa besarnya hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan lagi ekonomi negara ini walaupun pada ketika ini keadaan negara dikatakan di dalam keadaan sedikit meleset.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Belanjawan Negara 1983 ini, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan dan pendapat dengan tujuan semata-mata untuk membaiki sedikit sebanyak pelaksanaan dasar Kerajaan yang dianggap perlu diperkemaskan lagi. Semoga hasrat murni Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam bersama-sama berganding bahu dengan para-para Menterinya akan berjalan lebih pesat, sesuai dengan kehendak bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, penghidupan rakyat di negara ini khasnya di desa-desa peratus yang besar ialah bergantung kepada pertanian dan inilah yang telah banyak disebutkan dan ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan yang lain kerana taraf penghidupan mereka ini tidak banyak berubah dari zaman penjajahan ataupun di awal-awal kemerdekaan negara kita. Mereka terus bergantung kepada pokok-pokok getah, mengharung lumpur di sawah ataupun bertarung dengan ombak di laut. Bertambah sulit lagi kehidupan mereka apabila berlakunya beberapa kali inflasi di dalam negara kita, harga barangan naik berlipat kali

ganda sementara pendapatan mereka tidak banyak berubah. Kita telah menyaksikan beberapa perubahan, telah pun dibawa dari segi beberapa kerana pengeluaran dan kita juga nampak dengan jelas bahawa Dasar Ekonomi Baru telah memberi banyak keuntungan kepada sesuatu golongan tertentu sahaja iaitu kaum pemodal. Mereka telah mengambil kesempatan yang luas dari pengalaman dan kemudahan-kemudahan yang ada pada mereka dan tidak kurang pula dengan putar belit yang semata-mata menunjukkan kepentingan diri sendiri, mereka yang kaya telah menjadi bertambah kaya. Rakyat yang mengharapkan kemerdekaan dan pembangunan negara akan membawa tuah kepada mereka tetapi keadaan yang berlaku ialah amat sedikit tuah yang telah sampai ke tangan mereka. Mereka rata-rata terus di dalam keadaan yang daif dan hidup dalam kemiskinan. Mereka hanya dapat melihat dan menggigit jari akan kekayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh golongan-golongan yang disebutkan tadi. Apa yang dapat dinikmati oleh golongan rakyat yang miskin ini hanyalah dengan peluang-peluang menempatkan anak-anak mereka dalam kilang-kilang, gedong-gedong atau apa juga tempat untuk menjadi buruh kasar dengan mendapat upah yang terlalu rendah diberikan oleh majikan-majikan. Mereka ini ialah anak-anak desa yang tidak ada pilihan lain untuk mencari nafkah hidup dalam negara sendiri yang terkenal dengan kekayaan dari perut bumi atau dasar lautnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengubah taraf hidup dan nasib malang para petani dan nelayan ini pihak Kerajaan perlu membuat beberapa perubahan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu dengan membuat perincian bagi mengubah sistem pengeluaran di desa-desa secara total kepada satu sistem moden yang berdasarkan ilmu pengetahuan dan teknologi moden dengan lebih teratur. Punca-punca kehidupan di desa-desa amat banyak tetapi cara perhubungan pengeluaran dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan ternyata tidak ada penyelenggaraan yang kemas dan licin iaitu yang boleh menjamin kepercayaan mereka dengan usaha-usaha yang dijalankan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tegasnya masalah pemasaran dari hasil usaha rakyat-rakyat desa. Saya berikan contoh iaitu apa yang berlaku di kawasan saya sendiri. Pada hari ini lebih daripada 300 kolam ikan air tawar telah dijayakan. Kejayaan ini tidak boleh dinafikan adalah dengan bantuan daripada pihak Kerajaan melalui Kementerian Pertanian. Tiap-tiap satu kolam itu menelan belanja sebanyak lebih kurang \$3,000. Ini tidak termasuk bekalan benih ikan yang juga diberikan.

Selepas beberapa bulan ikan pun besar dan sedia untuk dipasarkan. Rakyat-rakyat amat bangga dengan kejayaan hasil usaha mereka itu. Apa yang berlaku ialah ke manakah ikan-ikan itu hendak dijual. Saya berpendapat di sinilah perhatian yang serius perlu diambil perhatian oleh Kerajaan. Sepatutnya FAMA ataupun agensi-agensi Kerajaan yang lain membantu memasarkan hasil ternakan ikan ini. Memang penduduk-penduduk di situ yang menjalankan usaha-usaha ini telah menyuarkan hal ini dan baru-baru ini pihak FAMA telah mengambil inisiatif dalam usahanya memasarkan ikan tersebut. Tetapi ada lagi perkara yang timbul yang mendukacitakan ialah harga yang dibayar kepada penternak ikan ini terlalu rendah iaitu \$1.00 dengan \$1.20 sekilo sedangkan harga ikan jenis tersebut atau lain-lain jenis ikan yang dijual di pasar-pasar berharga lebih daripada \$3.00 sekilo. Maka di sini timbullah rasa keciwa yang amat sangat di hati para-para penternak ikan yang telah menjalankan usahanya dengan begitu gigih sekali. Perhatian dan tindakan serius pihak Kerajaan dalam masalah ini sudah tentu akan mengembalikan kepercayaan rakyat kepada projek-projek pertanian ini sehingga ia benar-benar menjamin kehidupan mereka. Di samping itu tidaklah menjadi sia-sia bantuan subsidi dari Kerajaan yang telah dicurahkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan juga menggalakkan bumiputera melibatkan diri secara langsung dalam bidang perniagaan. Dalam usahanya

memberi peluang kepada rakyat-rakyat ini dalam bidang yang disebutkan, Kerajaan telah membuat berbagai-bagai rancangan. Antaranya dengan membina bandar-bandar baru yang sangat pesat pada hari ini di seluruh negara. Antaranya sebagai contoh ialah dengan pembinaan bandar baru Seri Iskandar dan Seri Manjong di Perak.

Rancangan membina bandar-bandar baru ini sudah tentu akan menelan perbelanjaan yang beratus-ratus juta ringgit. Pada pendapat saya projek ini belum tentu akan dapat menempatkan peniaga-peniaga bumiputera untuk menjalankan perniagaan mereka bagi memajukan bandar yang menelan belanja yang begitu besar. Maka di sini saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bahawa terdapat banyak bandar-bandar ataupun pekan-pekan kecil tradisi yang bertaburan di seluruh negara. Kebanyakan pekan-pekan kecil ini terletak di kawasan-kawasan di mana tinggalnya penduduk-penduduk bumiputera. Mereka telah menjalankan perniagaan di sini sejak zaman penjajahan lagi maka sudah tentu agak sukar dan berat bagi mereka untuk memindahkan perniagaan mereka ke bandar-bandar baru oleh kerana perniagaan mereka di tempat asal sudah agak maju dan merupakan kehidupan mereka yang telah begitu lama. Lebih-lebih lagi sekitar itulah tinggalnya pelanggan-pelanggan mereka sekian lama. Maka rasa saya adalah lebih menasabah pekan-pekan kecil tradisi ini dibangunkan semula, diperbaharui dan diubahsuai untuk menjadi sebuah bandar kecil yang moden di mana akan memberikan kesempatan baru kepada peniaga-peniaga kecil di luar bandar memperkembangkan lagi bidang perniagaan mereka. Pekan-pekan kecil tradisi yang saya sebutkan ini kebanyakannya terletak di kiri kanan jalan raya yang dilalui oleh ribuan kenderaan yang bukan sahaja digunakan oleh penduduk-penduduk negara ini bahkan oleh pelancung-pelancung yang berkunjung ke negara kita. Dengan pembinaan semula pekan-pekan kecil ini sudah tentu akan mencantikan gambaran negara kita di mata pelancung-pelancung tersebut.

Saya berikan contoh kepada pekan-pekan kecil yang dimaksudkan ini di Perak antaranya ialah di Bota Kanan, Kampung Gajah, Manong dan sebagainya dan sudah tentu banyak lagi terdapat pekan-pekan kecil tradisi ini di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya mengenai pembangunan semula pekan-pekan kecil ini bukan setakat membaharui bangunan kedai-kedainya sahaja tetapi pihak Kerajaan juga seharusnya menempatkan institusi-institusi kewangan yang boleh membantu dan memudahkan para peniaga dan kaum-kaum tani di daerah itu bagi mengembangkan usaha-usaha mereka. Misalnya dengan menubuhkan cawangan-cawangan Bank Pertanian, Bank Bumiputra dan sebagainya dan juga menyediakan pejabat-pejabat bagi menempatkan pegawai-pegawai Kerajaan yang sesuai dengan kehendak masyarakat di tempat tersebut.

Kita sedar bahawa dengan pertambahan penduduk di kawasan-kawasan ini jauh berbeza dengan zaman penjajahan dahulu iaitu bilangan mereka telah menjadi berlipat kali ganda tetapi pusat bagi mereka untuk membeli-belah masih di tahap yang lama dengan serba serbi kekurangan. Dan dengan perubahan-perubahan yang saya cadangkan ini sudah tentu akan dapat membantu para petani yang menjalankan usaha-usaha mereka bersawah, menoreh getah, ladang kelapa, koko dan juga menjualkan hasil dusun buah-buahan mereka menjadikan lebih mudah dan tidaklah masalah yang demikian terus berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, negara dan rakyat negara in keseluruhannya amat berbangga dengan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam arena politik antarabangsa. Ini ternyata di dalam ucapan dan tindakan yang beliau tunjukkan ke mana sahaja beliau pergi menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa. Kelantangan dan ketegasan yang ditunjukkan ini bukan sahaja memperkenalkan negara kita bahkan juga meninggikan lagi imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Maka di sini Malaysia di samping telah menyuarakan sikapnya yang demikian perlulah pula diikuti dengan tindakan-tindakan yang tegas dan

berani. Berkaitan dengan peristiwa-peristiwa penindasan negara-negara besar yang gagah terhadap negara-negara kecil yang lemah. Peristiwa penindasan ini berlaku begitu berleluasa, ketika mana dunia semakin maju dan moden. Kita lihat bagaimana ganas dan kejamnya tindakan zionis Yahudi di bumi Palestin dan Labenon. Bagaimana campur tangan dan penindasan Russia terhadap negara dan rakyat Afghanistan dan bagaimana kemaraan komunis Russia dan Komunis China ke Tenggara Asia melalui Indo-China. Seluruh Semenanjung Indo-China bergolak, pembunuhan berlaku, berperang oleh campur tangan yang tidak bertanggungjawab ini sehingga rakyat menderita, hilang rumah tangga dan kampung halaman serta pencarian hidup. Peristiwa kemaraan komunis ke Tenggara Asia ini dengan menelan satu demi satu negara yang lemah ini meletakkan negara kita sendiri dalam keadaan bahaya. Kita sudah jemu dengan keganasan komunis. Kita telah mengalami sendiri, kita tahu akan dasar dan fahaman mereka, kita tidak sanggup negara Malaysia yang sedang maju dan membangun akan turut jatuh ke tangan komunis dan hancurnya demokrasi yang telah dinikmati oleh rakyat negara kita selama ini. Oleh itu, sudah tiba masanya Malaysia membawa usul baru dalam ASEAN untuk meluaskan lagi pakatan ASEAN ini, bukan setakat merapatkan kerjasama hubungan ekonomi dan kebudayaan tetapi juga dengan mengadakan perjanjian pertahanan yang lebih kukuh bagi mengawal sempadan dan perairan negara yang terlibat bagi menyekat kemaraan musuh-musuh bersama.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pula tindakan yang lebih berkesan perlu dibuat oleh negara Malaysia terhadap kezaliman dan penindasan Israil-Yahudi terhadap rakyat Palestin. Dengan pemindahan dan pengunduran tentera dan rakyat Palestin dari Beirut merupakan satu kekalahan kepada orang Arab dan ini juga mungkin boleh dianggap satu kekalahan kepada umat Islam.

Kita tidak patut membiarkan perkara seperti ini akan terus berlaku. Campur tangan Amerika secara terang-terang

terhadap penindasan bangsa Arab ini perlu dikutuk sekeras-kerasnya. Tindakan memulaukan barang-barang keluaran Amerika Syarikat yang dianjurkan oleh sebuah badan, pertubuhan yang kita semua tahu perlu mendapat sokongan bukan sahaja dari rakyat tetapi dari Kerajaan juga. Kita sedar dengan tindakan kita memulaukan barang-barang keluaran Amerika ini tentulah tidak akan menjejaskan ekonomi negara tersebut, tetapi apa yang jelas ialah kita rakyat Malaysia dan Kerajaannya menunjukkan sikap benar-benar marah dan benci kepada tindak-tanduk Amerika Syarikat yang sanggup membunuh rakyat yang tidak berdosa semata-mata kepentingan politik sendiri. Rakyat negara ini juga yang terdiri bukan sahaja daripada penganut-penganut agama Islam telah menunjukkan simpati dan sokongan yang kuat terhadap perjuangan rakyat Palestin dan memungut derma tabung Palestin yang sehingga ini telah meningkat lebih daripada \$1 juta.

Sumbangan yang dibuat oleh rakyat Malayisa menjadi satu tamparan yang hebat kepada negara-negara Arab sendiri kerana kekayaan dan kekuatan mereka tidak dapat menyatu-padukan kumpulan mereka itu untuk menentang musuh yang menganiaya rakyat Palestin yang sebangsa, sedar-sedaging dengan mereka. Perselisihan dan pergaduhan yang terus menerus sesama bangsa Arab menyebabkan Yahudi boleh bertindak secara ganas dan berleluasa. Ini menyebabkan bukan sahaja bangsa Arab bahkan negara-negara Islam yang lain terhina termasuk negara Malaysia sendiri. Maka apakah salahnya Malaysia memainkan peranan mencari jalan bagaimanakah usaha untuk menyatupadukan negara-negara Arab ini. Mungkin dengan cara mengadakan perundingan-perundingan, perbincangan-perbincangan dengan pemimpin-pemimpin negara-negara Arab ini peringkat awal. Kemudian langkah seterusnya Malaysia boleh menganjurkan satu bidang kemuncak negara-negara Arab dan menjemput negara-negara Islam yang lain bagi melahirkan rasa persefahaman dan perpaduan mereka. Setelah usaha perpaduan ini diwujudkan

maka marilah bersama-sama menghadapi musuh yang zalim, yang bongkak dengan keganasannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sememangnya Malaysia sedang mengikuti dan menumpukan perhatian kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku di Palestin, tetapi kita sudah agak melupakan peristiwa keganasan yang dilakukan oleh satu lagi kuasa besar terhadap negara Afghanistan. Kita harus sedar bahawa negara Afghanistan merupakan negara yang lebih hampir dengan Malaysia dan kuasa yang mencerooboh negara itu adalah sama dengan kuasa yang sedang mara ke Asia Tenggara menerusi Semenanjung Indo-China. Tentera upahan Russia terus memburu perjuang-perjuang gerila Afganistan di pinggir-pinggir gunung tanah air mereka. Kita sedar bahawa kelengkapan dan kekuatan Russia amat besar. Sudah tentu pada akhirnya gerila-gerila Afghanistan akan hancur dalam masa yang singkat. Kedudukan ini merupakan ancaman kepada negara Asia, khususnya Tenggara Asia sendiri. Maka pada pendapat saya Malaysia perlu bertindak dalam soal ini.

Cadangan Malaysia untuk menghantar tentera ke sebuah negara di Afrika yang juga sedang menghadapi kucar-kacir dan menuju kepada kehancuran. Rasanya adalah lebih baik dan berkesan terhadap keselamatan kita sendiri dengan mengalihkan pengiriman tentera itu dari Afrika ke Afghanistan. Biarlah kuasa-kuasa besar dan negara-negara Afrika sendiri mencari jalan menyelesaikan masalah di benua mereka. Kita lebih penting campur tangan bagi mencari jalan menyelesaikan masalah yang berlaku di daerah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali ke negara kita. Rakyat jelata dari golongan yang berpendapatan rendah yang saya sebutkan sebelum ini berharap supaya pihak Kerajaan meneliti dan mengambil berat masalah-masalah yang selalu menimpa mereka di luar bandar. Mereka berharap Pegawai-pegawai Kerajaan bukanlah sahaja cekap, bersih dan amanah tetapi hendaklah bertimbang rasa di dalam mengambil satu-satu tindakan terhadap penduduk-penduduk

luar bandar itu. Saya berikan satu contoh iaitu tentang dasar pengambilan tanah yang berlaku di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Apabila satu-satu Kementerian ataupun Jabatan hendak melaksanakan satu-satu projek pembangunan kata-lah, Kementerian Pelajaran hendak membina sekolah baharu, membina padang sekolah yang baharu, begitu juga hendak membina masjid yang baharu, maka pihak pegawai memilih tapak tanah yang sesuai, lalu menghantar surat pengambilan tanah kepada tuan-tuan tanah yang terlibat. Tuan-tuan tanah membuat rayuan supaya pengambilan itu tidak dilakukan kerana itulah sahaja tanah kesayangan mereka, tanah pesaka turun-temurun nenek-moyang mereka di mana di situlah tapak rumah dan terdapat sedikit dusun buah-buahan dengan hasil durian, manggis, rambutan, langsung dan sebagainya. Tetapi rayuan ini telah ditolak dikatakan ini adalah kepentingan penduduk dan kepentingan pelajar murid-murid. Mereka menyerahkan nasib mereka ini kepada Wakil Rakyat. Jadi, cuba Tuan Yang di-Pertua berfikir di pihak manakah Wakil Rakyat hendak berdiri apabila keadaan ini timbul. Jadi telan mati bapak, jika diluahkan mati emak.

Satu perkara lagi ada hubungan dengan masalah rakyat yang miskin ialah pertukaran hakmilik tanah. Ini selalu berlaku di kawasan-kawasan luar bandar iaitu tukar milik dari ayah atau ibu kepada anak atau lain-lain waris. Pertukaran ini bukanlah atas jual beli melainkan ialah merupakan pemberian menunjukkan rasa kasih sayang seorang ibu atau bapa kepada anak. Selesai sahaja cerita penukaran maka datanglah penyata cukai dari Pejabat Income Tax menyatakan bayaran cukai yang kena dibayar iaitu 5% daripada nilai tanah. Sekiranya nilai tanah itu \$10,000 maka cukai yang kena dibayar ialah \$500.00 kepada orang-orang kampung yang hanya berpendapatan antara \$5 hingga \$10 sehari dengan apalah hendak mereka bayarkan cukai tersebut. Maka di sini saya harap supaya perkara ini dapat dibuat kajian semula untuk dibuat pertimbangan, sebaik-baiknya cukai yang berbentuk ini hendaklah dikecualikan lagi ataupun

dikecualikan terus, kerana bukan atas jual beli tetapi atas pemberian kasih sayang ibu-bapa kepada anak. Kerajaan rasanya tidak menanggung rugi dengan tiadanya memungut cukai yang begini kecil daripada rakyat luar bandar, rakyat yang menderita hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin menyambung berkenaan dengan masalah rakyat jelata yang ingin menikmati kemudahan-kemudahan yang orang lain telah menerimanya iaitu rakyat luar bandar inginkan kesentosaan seperti yang dinikmati oleh orang-orang yang hidup di bandar. Pihak Kerajaan perlu mengambil perhatian berat tentang nasib rakyat luar bandar. Sehingga ini masih banyak lagi kampung-kampung yang belum dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas iaitu jalan-jalan yang sempurna, bekalan elektrik dan bekalan air. Sebagai Kerajaan yang memerintah dan yang mendapat sokongan yang kuat dari rakyat luar bandar sudah tentu tidak mahu dituduh memberikan layanan yang tidak adil kepada mereka. Mereka juga inginkan nikmat kemudahan-kemudahan ini seperti yang telah diterima oleh jiran-jiran dan rakyat yang lain.

Adalah satu keadaan yang tidak munasabah di hati mereka setelah negara Malaysia mendapat kemerdekaan lebih daripada 25 tahun rakyat yang sama-sama memperjuangkan kemerdekaan ini masih lagi dalam keadaan jalan yang masih berlumpur, masih lagi minum air sungai dan perigi, serta masih lagi kegelapan, di malam hari hanya berlampukan pelita gas yang telah digunakan oleh mereka sejak zaman penjajahan lagi. Pembangunan bandar-bandar yang begitu hebat sentiasa dibuat ukuran oleh rakyat luar bandar. Pembinaan bangunan yang menjulang langit dan jambat yang berselerak di ibukota menjadi tandanya kepada rakyat jelata di kampung-kampung dan di luar bandar. Apakah wang rakyat tercurah begitu banyak dengan mengelokkan bandar-bandar besar, sebaliknya penduduk di luar bandar masih lagi belum dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas. Masalah ini perlu mendapat perhatian

daripada pihak yang berkenaan supaya rakyat terus memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan percaya bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang benar-benar ikhlas dan berusaha benar-benar membela nasib rakyat.

Sekian sahaja, lagi sekali terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

5.53 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat ucapan dari hal Belanjawan bagi kali yang pertama. Saya akan membentangkan perkara-perkara ekonomi dengan hati sanubari yang tulin, jujur dan ikhlas kerana kepercayaan saya kepada matlamat ekuiti dan ekonomi yang memperolehi asas yang kukuh serta orang-orang Malaysia yang benar-benar diselubungi oleh semangat kemalaysiaan.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pernah berbulan madu dengan jangka masa yang agak panjang semenjak beliau menjadi Menteri Kewangan. Beliau juga mempunyai nasib yang baik beberapa tahun kebelakangan ini, akan tetapi masa bulan madu sudah tamat dan beliau tidak boleh lagi menghulurkan berbagai jenis gula-gula dan keseronokan hidup, mengurangkan cukai seta menunjukkan lebihan-lebihan. Kini timbullah gegar gempur ekonomi dengan imbalan perdagangan dijangka menunjukkan kurangan yang besar melebihi \$2,400 juta dalam tahun 1982. Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka akan mencatatkan kurangan yang besar sebanyak \$8,649 juta. Gegaran dan kegempuran sudah tentu menjadi lebih hebat lagi jikalau minyak mentah petroleum tidak dikeluarkan dari dasar laut kita dengan lebih banyak lagi. Pertambahan kira-kira lebih daripada 30,000 tong sehari. Pengeluaran minyak mentah dalam tahun 1982 yang disebutkan oleh Perdana Menteri tadi dianggarkan meningkat sebanyak 15.1% pada 297,000 tong sehari berbanding dengan purata pengeluaran sebanyak 258,113 tong sehari dalam tahun 1981.

Tuan Yang di-Pertua, kesusahan dan kesulitan kita semasa ini adalah disebabkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dengan perbuatan-perbuatan yang bodoh pada tahun lalu bila mana Yang Berhormat Mulia membentangkan Belanjawan 1982 dengan anggaran sebanyak \$31,951 juta yang sangat terlalu tinggi harapannya. Niat hati hendak memeluk gunung apakan daya tangan tak sampai. Kebodohan ini dilakukan walaupun pada pertengahan tahun 1981 gejala-gejala telah menunjukkan bahawa kemelesetan ekonomi dunia akan tiba di Malaysia. Sungguhpun begitu, Yang Berhormat Mulia masih degil dengan terus membangkitkan anggaran Belanjawan yang tidak realistik semata-mata kerana Yang Berhormat Mulia hendak mencapai kejayaan yang besar dengan kelebihan undi yang sangat besar bagi Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum pada 22hb April tahun ini. Yang Berhormat Mulia mengurangkan cukai-cukai walaupun kekurangan itu tidak diperlukan. Yang Berhormat Mulia mendakap orang-orang kaya dan kapitalis-kapitalis sehingga Yang Berhormat Mulia itu nyaris mencekik mereka. Apakah akibat dan harga yang dibayar oleh rakyat jelata? Hakikatnya sejurus selepas Pilihanraya Umum, Kerajaan 2M melancarkan kempen jimat cermat kononnya kita dapat mengukur baju di badan sendiri.

Anggaran Belanjawan Mengurus sebanyak \$17,319 juta bagi tahun 1982 adalah dijangka akan berkurangan kepada \$16,185 juta. Pemungutan hasil sekarang dianggarkan berjumlah \$16,434 juta berbanding dengan \$17,683 juta yang telah dianggarkan dalam Belanjawan tahun 1982 dahulu. Lebihan Belanjawan akan kurang sedikit dalam akaun semasa sebanyak \$249 juta berbanding dengan \$364 juta yang dijangkakan dalam Belanjawan asal tahun 1982 serta Anggaran Perbelanjaan Pembangunan asal sebanyak \$14,632 juta dikurangkan kepada \$12,881 juta meskipun Yang Berhormat Mulia menyatakan bahawa kita akan terus menggunakan pendekatan yang berhati-hati lagi pragmatis di dalam pengurusan ekonomi kita.

Anggaran Belanjawan tahun 1982 telah dikurangkan sebanyak \$2,885 juta dan pemungutan hasil pun mengalami kekurangan \$1,249 juta. Setelah mengambil kira modal kewangan swasta dan kesilapan dan ketinggalannya imbalan keseluruhan dijangka mencatatkan kurangan sebanyak \$752 juta pada tahun 1982. Oleh yang demikian, cadangan bersih antarabangsa Malaysia dijangka berkurangan \$600 juta dalam tahun 1982 kepada \$9.2 ribu juta pada akhir tahun ini dan ianya mencukupi bagi membiayai kira-kira 4 bulan import tertangguh pada paras semasa. Ini belum pernah berlaku sebelumnya sekalipun negara kita pernah mengalami kemerosotan yang teruk pada tahun 1974; Perbelanjaan Mengurus masih menunjukkan sedikit kelebihan.

Saya berani meramalkan bahawa apabila akaun terakhir Perbelanjaan Mengurus didapati untuk tahun ini, angka kurangan akan mencatatkan kurangan yang lebih daripada anggaran Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kira-kira \$885 juta.

Angka-angka yang dikemukakan oleh Perbendaharaan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai anggaran-anggaran hasil 1982 adalah terlalu optimis, sangat tidak realistik.

Di dunia ini tidak ada sesiapa pun yang dapat meramalkan permulihan ekonomi yang tepat, ini termasuk pakar-pakar ekonomi yang memenangi hadiah Nobel, akan tetapi Kerajaan masih membuat ramalan yang melulu, misalnya, perubahan atas butir-butir utama hasil 1982. Cukai langsung 1982 dianggarkan \$8,981 juta, tetapi sekarang anggaran itu disemak menjadi \$6,837 juta, kurangan \$1,344 juta. Bagi Cukai Tidak Langsung, anggaran untuk tahun 1982 ialah \$8,041 juta, tetapi sekarang dikurangkan kepada \$6,488 juta, kurangan \$1,553 juta. Untuk Hasil Bukan Cukai, ini ada lebihan sedikit \$1,068 juta, disemak anggaran dengan lebihan \$2,626 juta dan Penerimaan Bukan Hasil \$207 juta dan disemak naik sedikit \$483 juta. Jumlah Hasil Biasa Kerajaan pada keseluruhannya dianggarkan \$17,497 juta

dan kini disemak menjadi \$19,434 juta. Ini bermakna kekurangan setakat ini pada bulan Oktober ialah \$1,063 juta. Ramalan yang sangat melulu. Hasil Biasa Kerajaan Persekutuan yang telah disemak bagi tahun 1982 yang saya sebutkan tadi berjumlah \$16,434 juta dan ini menunjukkan kekurangan sebanyak 6% dari anggaran asal yang berjumlah \$17,497 juta. Memandangkan kemelesetan ekonomi yang berterusan perubahan ke atas anggaran hasil biasa bagi tahun 1982 akan bertambah pada akhir tahun ini.

Anggaran Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar bagi tahun 1982 ialah 7.2% tetapi Keluaran Dalam Negara Kasar sebenarnya tidak akan mencatatkan kadar 3.9%. Oleh kerana setengah kakitangan-kakitangan Perbendaharaan telah lupa akan realiti di dalam masyarakat luar dari Perbendaharaan, berbagai anggaran tersebut telah dibuat dengan melulu, terutama bagi tahun 1982.

Sebenarnya, saya bukanlah seorang pakar ekonomi, saya hanya seorang yang mempunyai kelulusan dalam bidang kedoktoran perubatan sahaja, akan tetapi saya mempunyai deria biasa (common sense), selain daripada pancaindera. Sungguhpun terdapat pakar-pakar ekonomi yang duduk di belakang Menteri boleh membaca tanda-tanda perubahan ekonomi, saya mempercayai bahawa dengan deria biasa, (common sense) tersebut saya pun dapat mentafsirkan gejala-gejala perubahan ekonomi itu. Di sini saya hendak mengulangi bahawa tidak ada pakar-pakar ekonomi, sekalipun pakar itu merangkul hadiah Nobel yang dapat meramalkan pemulihan ekonomi yang tetap pada awal atau hujung tahun 1983. Namun demikian, Kerajaan masih membuat ramalan hasil bagi tahun 1983, berlandaskan pemulihan ekonomi yang tetap pada awal 1983. Jumlah hasil biasa Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1983 tidak termasuk cukai-cukai baru dianggarkan berjumlah \$17,266 juta dan ini menunjukkan pertambahan sebanyak 5% daripada anggaran disemak pada tahun 1982, yang jumlahnya \$19,434 juta. Daripada jumlah itu, Cukai Langsung dianggarkan menghasilkan

kira-kira \$7,247 juta atau 50.6% dari keseluruhan hasil cukai iaitu pertambahan sebanyak 6% daripada anggaran disemak 1982 yang berjumlah \$6,837 juta. Hasil dari Cukai Tidak Langsung pula dianggarkan berjumlah \$7,086 juta atau 49.4% daripada keseluruhan hasil cukai dan ini merupakan pertambahan sebanyak 9% daripada anggaran disemak 1982. Kedua-dua Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung merupakan 83% dari keseluruhan hasil biasa Kerajaan Persekutuan, manakala 17% lagi didapati dari Hasil Bukan Cukai yang berjumlah \$2,281 juta dan Terimaan Bukan Hasil yang berjumlah \$652 juta.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya berharap anggaran beliau adalah betul. Sekali lagi sekiranya Yang Berhormat Mulia membuat ramalan yang salah, dan saya berani mengatakan anggaran Yang Berhormat Mulia itu akan didapati salah, angka-angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia akan menjadi kelam-kabut, akibatnya rakyat jelata mengalami penderitaan yang semakin hari semakin bertambah buruk.

Di sini saya suka membentangkan dua perkara. Satu dari Kementerian Kesihatan dan satu lagi dari Kementerian Pelajaran. Saya mempunyai sedikit pengetahuan tentang kedua-dua Kementerian tersebut.

Di Hospital-hospital Besar Kerajaan, doktor-doktor telah menerima senarai yang agak panjang mengenai ubat-ubatan yang tidak boleh didapati bagi semua pesakit termasuk jururawat-jururawat dan doktor-doktor yang menjadi kakitangan-kakitangan hospital tersebut, ubat-ubatan yang tidak tersedia itu hanya boleh didapati dengan bayaran sendiri dari kedai-kedai ubat persendirian. Senarai tersebut adalah termasuk ubat-ubatan yang agak murah seperti Phenobarbitone dan sebagainya. Saya tidak akan sebut dengan lanjut di sini istilah-istilah ubat yang sangat rumit bagi bukan doktor.

Walau bagaimanapun seandainya kemelesetan ekonomi adalah berterusan dan kita menyedari bahawa keadaan tidak akan berubah dalam jangka masa yang pendek

doktor-doktor tidak boleh menentukan ubat yang paling sesuai bagi pesakit-pesakit seperti yang diharamkan dalam Peraturan Kerajaan (General Orders). Ini sedang dan akan menyebabkan berbagai kesusahan dan penderitaan di kalangan pesakit-pesakit berpendapatan rendah termasuk pesakit-pesakit di luar bandar. Mereka yang berpendapatan sederhana dan tinggi dapat memperoleh rawatan dari hospital dan klinik perubatan persendirian. Tetapi bagi mereka yang berpendapatan rendah mereka masih terus menggunakan hospital-hospital Kerajaan dan tidak mempunyai sebarang pilihan.

Saya merasa hairan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang merupakan seorang doktor yang pertama yang muncul sebagai seorang Perdana Menteri, dan saya merasa bangga baginya. Walaupun sudah lewat saya beri tahniah kepadanya, tetapi sebagai seorang pengamal perubatan saya merasa hairan mengapa beliau sanggup membenarkan keadaan sedemikian terus berlaku.

Satu perkara lagi ada bersangkutan-paut dengan Kementerian Pelajaran yang telah mengeluarkan peraturan untuk memotong peruntukan tahunan yang diberi kepada sekolah-sekolah khasnya lain-lain perbelanjaan Berulang Tahunan-L.P.B.T. Timbalan Menteri Pelajaran telah menegaskan bahawa pada 13hb Oktober di Dewan yang mulia ini Kerajaan sedar bahawa peruntukan tersebut adalah tidak mencukupi dan kajian untuk memperbaiki keadaan di atas telahpun selesai di buat dan rundingan di antara Perbendaharaan dan Kementerian Pelajaran mengenai cara-cara pelaksanaannya adalah diperingkat akhir sekarang ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menambah bahawa sekiranya keadaan ekonomi negara mengizinkan kadar baru mungkin dapat dilaksanakan dalam tahun akan datang. Kini terdapat sekolah-sekolah yang masih lagi tidak menerima L.P.B.T. untuk suku tahun yang keempat dan setengahnya tidak mampu membayar bil-bil air, elektrik, telefon dan sebagainya, terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar.

Memandangkan kemelesetan ekonomi yang akan berterusan biarpun Kementerian tidak dapat melaksanakan apa yang dikatakan sebagai kadar baru, saya akan mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pelajaran seandainya beliau dapat mengarah pegawai-pegawai pelajaran untuk memastikan sama ada tiap-tiap sekolah di negara kita sudah menerima peruntukan-peruntukan tahunan bagi suku tahun yang terakhir dan bagi suku tahun yang ketiga. Dan jika didapati tidak ada, saya berharap Menteri Pelajaran mengambil tindakan dengan secepat mungkin. Kedua-dua contoh tersebut menunjukkan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah memberi satu gambaran dalam Belanjawan tahun 1983 ini yang sendeng sebelah. Yang Berhormat Mulia menyeru supaya kita dapat 'mengukur baju di badan sendiri' akan tetapi kain baju telah mengecut, bagaimana agaknya kita boleh mengukur baju tersebut. Mengapa Yang Berhormat Mulia tidak menyediakan payung sebelum hujan? Yang Berhormat Mulia mengibaratkan ekonomi negara kita sebagai sebuah perahu kecil, tetapi kukuh telah dapat menempuh taufan kemelesetan yang ditiupkan oleh negara-negara perindustrian.

Sebenarnya selepas mendapat tahu taufan tersebut sedang meniup ke arah negara kita pada pertengahan tahun 1981, Yang Berhormat Mulia masih membentangkan Belanjawan tahun 1982 yang tidak realistik, yang mempunyai sifat-sifat pemboros atas pertimbangan faktor-faktor politik semata-mata.

Jirus air jangan meleleh
Habis basah tengah serambi
Kerajaan boros tiada memilih
Yang mana terlintas semua dibeli.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21hb Oktober 1982, ketika rakyat Malaysia menunggu pengumuman Belanjawan tahun 1983, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan angka matlamat pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1983 hendaklah ditetapkan ke paras 6%. Walaupun semua rakyat mesti berusaha dengan sedaya-upaya untuk menghadapi sebarang kemelesetan

ekonomi yang besar, yang setakat ini masa pemulihan yang tetap belum diketahui. Kadar 6% adalah terlalu optimis. Kadar pertumbuhan 4% pun susah hendak dicapai pada tahun 1983. Kerana kadar pertumbuhan yang terlalu tinggi yang dianggarkan oleh Kementerian Kewangan, kita sedang menghadapi kesusahan, kesulitan ekonomi sekarang dengan kekurangan dagangan yang lebih.

Semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih kuasa dalam bulan Julai, 1981 beliau telah mengisytiharkan 'Dasar Memandang ke Timur' dan perkara ini sering dibangkitkan sama ada di luar ataupun di dalam Dewan yang mulia ini. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masanya sudah tiba bagi kita menebus kembali maruah kita. Saya perkenalkan pandang ke timur kerana kita semua adalah dari timur-saya setuju dengan kenyataan dan pengumuman ini. Saya terus berpendapat bahawa kita harus berwaspada tentang dasar memandang ke timur agar unsur-unsur yang kurang sihat seperti fahaman ketenteraan, sikap tidak berperikemanusiaan dalam perusahaan dan perdagangan dan sebagainya dengan orang-orang Jepun tidak dapat diserapi oleh orang-orang Malaysia. Namun demikian, terdapatnya banyak amalan dan sifat-sifat yang baik yang mesti dipelajari oleh kita semua.

Salah satu pengalaman, Korea Selatan yang membawa kepada negara itu kejayaan yang cemerlang iaitu perindustrian yang berdasarkan eksport (export-led industrialisation). Sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah komited kepada dasar memandang ke timur, akan tetapi dalam Belanjawan tahun 1983 tidak adanya polisi dan strategi perindustrian, terutamanya perindustrian yang berdasarkan eksport-tidak ada langsung. Ini adalah suatu ketinggalan yang serius. Dalam pengalaman Korea Selatan, pemimpin-pemimpin nasional adalah mempunyai komitmen politik ke atas dasar perindustrian dan eksport serta terdapatnya pengurusan nasional yang sungguh baik dengan pendekatan kakitangan-kakitangan Kerajaan secara

perniagaan (business-like), kempen simpanan secara intensif, perhubungan di antara kakitangan Kerajaan dengan golongan peniaga yang fleksible lagi pragmatis. Sebaliknya, walaupun adanya kakitangan-kakitangan Kerajaan Malaysia yang cekal, cekap dan bersih—ada banyak tetapi terdapatnya setengah-setengah yang cuai atau lawas untuk menjawab surat-menyurat yang patut diselesaikannya serta tidak mempunyai kebolehan untuk memahami keperluan orang ramai termasuk peniaga-peniaga. Oleh itu, Kerajaan hendaklah mempertimbangkan faktor-faktor yang mewujudkan perindustrian yang berdasarkan eksport di Korea Selatan seperti berikut:

1. bertambah kempen simpanan;
2. peralihan strategi ekonomi dengan radikal;
3. manipulasi kadar pertukaran untuk membayangkan kos ekonomi;
4. kewujudan regim perniagaan bebas untuk pengeksport-pengeksport; dan
5. Pemberian kredit dan keutamaan-keutamaan cukai langsung.

Korea Selatan mempunyai pelaksanaan yang berkesan (effective implementation) kerana kepimpinan yang kuat atas dasar perindustrian dan eksport dan kerana campurtangan terpilih oleh Kerajaan seperti pengumuman matlamat-matlamat eksport tiap-tiap suku tahun mengenai barang-barang yang dikeluarkan untuk eksport. Sebaliknya di Malaysia, pelaksanaan yang tidak berkesan merupakan kelemahan yang terbesar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berucap tadi.

Faktor-faktor yang memastikan pelaksanaan yang berkesan di Korea Selatan adalah seperti berikut:

1. Kawalan yang ketat ke atas aktiviti-aktiviti sektor swasta. Sebenarnya perhubungan di antara Kerajaan dengan sektor swasta adalah sangat rapat, misalnya yang saya sebutkan tadi matlamat eksport.

2. Di sebelah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terdapatnya suatu pejabat yang menumpukan perhatian kepada keadaan eksport yang sebenar yang dapat menyatakan kelemahan-kelemahan matlamat eksport dengan segera.
3. Adanya segolongan kakitangan yang agak besar untuk meneruskan hubungan dengan pengeksport-pengeksport yang besar tiap-tiap hari.
4. Dalam keadaan yang susah dan sukar, Menteri yang berkenaan seringkali bercampurtangan untuk menyelesaikannya.
5. Perkembangan untuk mencapai matlamat eksport dan keadaan perdagangan semasa adalah sentiasa dikaji semula di dalam mesyuarat bulanan bagi menggalakkan perdagangan (Monthly trade promotion conference) yang dipengerusikan oleh Presiden Korea Selatan sendiri dan

dihadiri oleh Menteri-menteri, Pengurus-pengurus Bank dan pengeksport-pengeksport yang berjaya.

Dengan dasar memandang ke timur adakah kita bersedia untuk menyerap dan mengamalkan cara-cara pelaksanaan Korea Selatan yang saya sebutkan tadi. Dasar memandang ke timur ibarat Burung Merak jantan yang menonjolkan kecantikannya apabila membersihkan bulu dengan paruhnya, janganlah Burung Merak jantan menjadi Ayam Belanda.

Di dalam Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup 6.30 petang, esok boleh sambung semula berkenaan dengan Korea (*Ketawa*).

Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.